

## BAB II

### ANALISIS WACANA TAFSIRAN AL-QURĀN DAN KAEDEH-KAEDAHNYA.

#### 2.0 Pendahuluan

Setakat apa yang penulis ketahui bahawa di Malaysia sekarang belum wujud sebuah buku pun dalam bahasa Melayu yang mengutarakan kaedah-kaedah pentafsiran al-Qurān atau analisis wacana al-Qurān. Apa yang banyak diperkatakan hanyalah salah tafsiran, tafsiran harfiah, tafsiran melampau dan berbagai tajuk lagi yang menjadi isu dalam seminar, media dan ucapan pemimpin. Panduan untuk pentafsiran belum pernah diutarakan. Penulis rasa sudah tibalah masanya untuk memupuk semangat mentafsir secara sistematik dan positif.

#### Analisis Wacana Tafsiran al-Qurān

Sebagaimana analisis wacana lain, al-Qurān juga mengandungi berbagai jenis dan bentuk analisis dan tafsiran serta memiliki berbagai mazhab, seperti mazhab al-Qurra', mazhab Mufassirin, mazhab Uṣūliyyīn, mazhab Fuqahā', mazhab Lughawiyyin dan al-Fusaha' wa al-Bulaghā'.

Dalam mendekati analisis wacana tafsiran al-Qurān penulis akan membuat pemfokusan terhadap sudut mazhab Mufassirin sahaja. Bagi mazhab Mufassirin analisis al-Qurān dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian:

Ibn 'Abbās r.a menyatakan bahawa tafsir boleh dibahagikan kepada empat bahagian: *Halāl* dan *Harām* yang wajib setiap orang memahami, *Tafsiran yang ditafsirkan oleh orang Arab* yang merupakan bahasa mereka, *Tafsiran para ulama* dan *tafsiran yang tidak diketahui melainkan Allah s.w.t.* (Al-Zarkasyiyy 1972 vol 2.

Ms 180)

Al-Zarqāniyy pula membahagikan tafsir kepada tiga bahagian: *Tafsir bi al-Riwayāt* ia itu dinamakan *al-tafsīr bi al-Ma'thūr*, tafsir bi al-Dirāyah yang dinamakan *al-tafsīr bi al-Ra'y* dan tafsir bi al-Isyārah yang dinamakan *al-Tafsir al-Isyariyy*.(Al-Zarqāniyy 1980,ms 10-11)

Tafsir Ma'thūr adalah tafsiran al-Qurān dengan ayat al-Qurān atau dengan hadis Nabi s.a.w atau pun dengan perkataan para Sahabat r.a.. Antara tafsir-tafsir tersebut ialah seperti Tafsir Ibn Jarīr, Tafsir Abi al-Laith al-Samarqandiyy, tafsir al-Durr al-Ma'thūr fi al-tafsir bi al-Ma'thur, Tafsir Ibn Kathīr, Tafsir al-Baghawiyy, Tafsir Baqiyy bin Mukhallād, Asbāb al-Nuzūl li al-Wahidiyy dan al-Nāsikh wa al-Mansūkh li Abi Ja'far al-Nuhhās.

<sup>al-iṣṭighṣā</sup>  
Tafsir bi al-Ma'thūr pula adalah tafsiran yang berdasarkan ijtihad, yang boleh dibahagikan pula kepada ; tafsiran yang terpuji dan tafsiran yang terkutuk. Antara tafsir-tafsir tersebut yang terpuji ialah antaranya; Tafsir al-Jalālain,Tafsir al-Fakhr al-Rāziyy,Tafsir Abi al-Su'ud,Tafsir al-Nasaburiyy, Tafsir al-Alūsiyy, Tafsir al-Nasafiyy, Tafsir al-Khatīb dan Tafsir al-Khāzin. Sementara tafsir yang terkutuk adalah seperti tafsir mirāt al-anwār wa Misykāt al-Asrār, Tanzīh al-Qurān 'an al-Matā'in, tafsir al-'Iyāsiyy, tafsir al- Furāt al-Kūfiyy dan tafsir al-Qummiyy.

Tafsir al-Isyāriyy adalah tergolong dalam jenis tafsir kumpulan-kumpulan yang menyimpang daripada akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Antara tafsir tersebut

ialah Tafsir al-Kasysyāf, Tafsir al-Mizān , Lataif al-Isyārah, Tastariyy dan Tafsir Ibn Ḥārbiyy.

Ada juga kitab-kitab tafsir moden yang belum diklasifikasikan seperti Tafsir Zīlāl al-Qurān, al-Asās fi al-Tafsīr dan tafsiran-tafsiran yang terlalu banyak ditulis pada masa kini.

Daripada tafsiran-tafsiran inilah penulis akan membuat penyelidikan dengan berpandukan beberapa buah tafsir dari berbagai jenis yang tersebut untuk diuraikan dengan kaedah-kaedah analisis wacana Al-Qurān bagi mazhab Mufassirin yang kesemuanya mempunyai tujuh puluh kaedah sebagaimana yang akan kita perjelaskan akan datang.

## **2.1 Pengertian Wacana.**

Sebagaimana kita maklumi pengertian wacana adalah sebagai satuan bahasa, terlengkap, terbesar, di atas ayat atau klausa, teratur rapi, berkesinambungan, rasa kohesi, lisan atau tulisan dan mempunyai awal serta akhirnya.Wacana juga adalah satuan bahasa yang terlengkap dan terbesar atau tertinggi di atas ayat atau klausa dengan koherensi dan kohesi yang berkesinambungan, yang mempunyai awalan dan akhiran yang nyata disampaikan secara lisan atau tertulis.  
(Henry Guntur Tarigan1995,ms 27)

Mengikut Stubbs (1983,ms 67):

Perkembangan linguistik berkembang dari hari-kehari, bermula daripada perbincangan mengenai ayat, klausa, penjenisan perkataan sehingga kehadiran tatabahasa generatif yang lebih suka mengkaji teori-teori buatan. Selepas itu ahli falsafah analitik pula mula menyusun serta menggunakan contoh-contoh buatan

sendiri. Seterusnya analisis ayat dibuat dan dari sinilah bermulanya analisis wacana. Oleh itu bagi Stubbs wacana adalah merupakan kesatuan bahasa yang lebih besar daripada ayat dan klausu.

Mengikut Yule dan Brown, (1980, ms 189-190)

Analisis wacana merupakan telaah tentang aneka fungsi (pragmatik) bahasa. Kita menggunakan bahasa dalam kesinambungan atau untaian wacana. Tanpa konteks, tanpa hubungan-hubungan wacana yang bersifat antara ayat dan suprasyat, maka amatlah sukar bagi kita untuk berhubung dengan tepat antara satu sama lain. Melalui wacana kita saling mendapat seperti yang berikut:

Menyapa, menengur

Meminta, memohon

Menyetujui, menyepakati

Bertanya, meminta keterangan

Meyakinkan

Menyuruh, memerintah

Mengkritik, mengkomentari

Memaafkan, mengampuni dan lain-lain.

Mengikut Henry Holec(1985):

Wacana mencakupi sebahagian struktur yang lebih luas kepada kohesi dan koherennya. Kohesi yang merangkumi leksikal dan tatabahasa. Tatabahasa dipecahkan pula kepada pronomina, substitusi, elipsis dan konjugsi. Leksikal pula muncul repetisi, sinonim, antonim, hiponim, kolokasi dan ekuivalensi. Koheren merangkumi penambahan (adisi), seri, rentetan, pronomina, pengulangan (repetasi), padankata (sinonim), keseluruhan bahagian, kelas anggota, penekanan,

komparasi (perbandingan), kontras (pertentangan), simpulan, hasil, contoh, kesejajaran (parallel), lokasi dan kala. Dari segi makna pula wacana merangkumi hubungan, sebab, akibat, alasan, sarana, hasil, tujuan, kesimpulan, kegagalan, syarat, perbandingan, para frasis, amplikatif, aditif temporal, aditif nontemporal, identifikasi generik spesifik dan ibarat. Begitulah luasnya pengertian wacana mengikut ahli-ahli linguistik Barat.

## **2.2 Al-Qurān sebagai wacana.**

Sementara al-Qurān pula didefinisikan sebagai: Percakapan Allah yang bersifat qadim (sedia kala), bukannya makhluk, diturunkan melalui Jibril kepada nabi Muhammmad s.a.w. dengan bahasa Arab bermula dengan surah al-Fatiha dan berakhir dengan surat al-Naṣ, mempunyai mukjizat, tertulis dalam mashaf, dipindahkan secara mutawatir (ramai perawi kepada ramai perawi) dan menjadi ibadat dengan membacanya. (Al-Zarqāniyy 1980 vol 1 ms15-25)

Kandungan al-Qurān tidak ternafi lagi mengandungi hidayat dan kekuatan yang boleh melemahkan lainnya. Ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya, merangkumi semua ilmu seperti ilmu agama, bahasa Arab, ilmu-ilmu mengenai alam semesta, pengetahuan, binaan, pertukangan, kejuruteraan, matematik, benda-benda, astronomi, ekonomi, sosial, biologi, kimia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan bermacam-macam lagi. (Al-Zarqāniyy 1980 vol 1 ms 24)

## **2.3 Hakikat Wacana Al-Qurān.**

Untuk mengenali al-Qurān secara dekat maka hendaklah kita menyelami hakikat al-Qurān itu sendiri, berpandukan kepada definisi di atas yang ringkas dan

padat . Oleh itu di sini penulis akan memperincikan perkara-perkara tersebut seperti berikut:

### **a) Wacana al-Qurān berbahasa Arab.**

Bahasa al-Qurān adalah bahasa Arab yang digunakan pada waktu turunnya. Pakar-pakar bahasa Arab telah mencapai kesepakatan bahawa bahasa Arab yang digunakan dalam puisi itu telah menjadi lumrah sebelum turunnya al-Qurān. Oleh itu, al-Qurān telah menghimpunkan keseluruhan kecantikan bahasa Arab bagi setiap qabilah pada masa itu dan ini telah membantu kemunculan al-Qurān di tengah -tengah masyarakat Arab. Ini merupakan faktor-faktor yang merangsang penerimaan al-Qurān oleh semua qabilah Arab. Walau bagaimana pun, bahasa Arab Quraisy adalah bahasa agung yang mengatasi bahasa-bahasa qabilah yang lain. ('Abd al-Jalīl 1981, ms108)

Ada juga sebahagian ulama yang mengatakan terdapat hampir lapan puluh perkataan dalam al-Qurān yang bukan daripada bahasa Arab asli tetapi terdiri daripada bahasa Parsi, Habsyah, Siryani dan bahasa Qibti. Oleh itu, bahasa-bahasa tersebut adalah bahasa asing yang di Arabkan. Pendapat ini disangkal oleh Dr.Abdul Jalil dengan katanya; "Apa yang saya dapati lebih kurang lapan puluh perkataan tersebut adalah semuanya berasal daripada bahasa induk iaitu bahasa Sematik (Sām ibn Nūh). Oleh yang demikian tidaklah mustahil orang Arab mewarisi perkataan tersebut dan bukanlah diambil daripada mana-mana bahasa lain kerana mereka juga adalah berasal daripada bahasa Sematik. ( Abd al-Jalil 1981 ms 222)

## **b) Kandungan Juzuk, Surah, Perkataan dan ayat dalam al-Qurān**

Al-Qurān mengandungi 30 juzuk, setiap juzuk mempunyai 2 hizb dan setiap hizb mempunyai 4 arbā'. Bilangan surah pula adalah 114 surah mengikut pendapat yang muktamad. Setiap surah mempunyai nama-nama yang tertentu, bermula dengan surah al-Fatiha dan berakhir dengan surah al-Nas. Para ulama telah bersepakat mengenai bilangan ayat al-Quran, iaitu sebanyak 6,000 ayat lebih dan perkataannya pula sebanyak 77,943 perkataan. (Al-Zamakhsyariyy 1972 ms225; Atiyyat 1979 ms 28-29)

## **c) Struktur ayat, kontek,dan logik yang sangat Tinggi dan Sistematik.**

Mengikut Syeikh Sa'īd Hawwa' di dalam kitab al-Asās fi al-Qurān (1980 vol 1 ms 21-23) bahawa al-Quran dibahagikan kepada empat bahagian: Bahagian "Tiwal" (panjang), bahagian "Miin"(ratusan), bahagian "al-Mathaniyy"(bersendi) dan bahagian "al-Mufassal"(putus-putus). Bahagian pertama bermula daripada surah al-Baqarat dan berakhir dengan surah Bara'ah, bahagian kedua pula bermula daripada surah Yunus dan berakhir dengan surah al-Qaṣāṣ, bahagian ketiga pula bermula dengan surah al-'Ankabūt dan berakhir dengan surah Qāf dan bahagian keempat bermula dengan surah al-Zāriyyāt dan berakhir dengan surah terakhir dalam al- Qurān iaitu surah al-Nās.

Dari segi maknanya pula, setiap surah dalam bahagian kedua, ketiga dan keempat terdiri daripada himpunan beraneka surah, dalam bahagian kelima terdapat pula "majmu'āt" (himpunan) yang membentuk "wihdat"(unit). Struktur tersebut ialah untuk surah-surah al-Qurān. Untuk ayat di dalam al- Qurān pula terdapat "Qism"(bahagian), "Maqta' "(potongan) , "Faqrāh" (paragraf) dan

“Majmū’āt” (himpunan). Istilah Qism adalah lebih luas daripada yang lain dan digunakan pada surah-surah yang panjang-panjang yang mengandungi banyak Maqta’. Perkataan Maqta’ pula lebih luas daripada Faqrāh, dan ini digunakan jika ayat-ayat al-Qurān banyak dan terhimpun dalam satu tajuk . Sementara istilah Faqrāh pula lebih luas daripada istilah Majmū’āt digunakan ketika wujudnya Maqta’ atas tajuk yang sama tetapi terdiri daripada rumpunan makna-makna utama. Oleh yang demikian, dinamakan setiap makna utama dalam Maqta’ sebagai Fiqrah. Istilah Majmu’at adalah lebih sempit daripada Faqrāh dan digunakan apabila dalam Fiqrah yang terdapat dalam Maqta’ lebih banyak makna yang elok untuk ditafsirkan secara panjang lebar sebelum dan selepasnya.

(Sa’id Hawwā’ 1979 vol1 ms 30; Al-Zarkasyiyy 1972 vol1 ms 244-248)

Mengenai kesinambungan dan kontak ayat dengan ayat dapat dilihat dengan jelas di dalam al-Qurān, contohnya ayat pertama dalam surah al-Baqarah dimulakan dengan Alif Lām Mīm dan berakhir dengan wa ullaik al- muflihūn. Surah Āli ‘Imrān pula bermula dengan Alif Lām Mīm dan berakhir dengan la ‘allakum tuflīhūn. Jadi di sini seolah-solah surah Āli ‘Imrān menjadi huraian kepada ayat-ayat pertama daripada surah al-Baqarat.

Apabila diperhatikan pula ayat selepas mukadimah tersebut, iaitu firman Allah s.w.t.: يَا يَهُوَ النَّاسُ اعْبُدُوا رِبَّكُمُ الَّذِي خَلَقْتُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَطَّافُونَ (آية 21 البقرة) maksudnya: Wahai manusia abdikanlah diri kamu kepada yang menciptakan kamu dan mereka yang sebelum kamu moga-moga kamu bertaqwā.

Dalam surah Āli ‘Imrān firman Allah: يَا يَهُوَ النَّاسُ لَتَقُولُوْنَ لِرَبِّكُمْ ... الآية (آية 1 النساء)

Maksudnya: Wahai manusia bertaqwālah kepada Tuhan kamu...

Selepas itu datang pula ayat: وَمَا يُضْلِلُ بِهِ إِلَّا الْفَسِيقُونَ (آية 26 البقرة)

maksudnya: Dan tidaklah yang akan sesat dengan al-Qurān itu melainkan orang yang fasik.

الَّذِينَ ينْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ... الْآيَةُ 27 الْبَقْرَةُ

Mereka yang memungkiri janji Allah setelah mana diikat janji....

....huraiannya adalah di dalam surah al Ma'idot, firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ قُوْلُوا بِالْعُقُودِ... الْآيَةُ 1 الْمَانَدَةُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman tunaikanlah janji.....

(Sa' id Hawwā' 1985 vol 1 ms 21-25)

Banyak lagi kontek ayat antara satu sama lain jika hendak dihuraikan di sini dan bagi penulis memadailah sebagai contoh apa yang diutarakan di atas .

#### **d) Mempunyai peristiwa turun ayat yang tertentu.**

Al-Qurān diturunkan untuk memberi hidayah kepada manusia ke jalan yang lurus, membimbing mereka ke arah akhlak mulia yang berteraskan keimanan kepada Allah, memperakukan perkara yang telah lalu, yang akan datang dan realiti. Peringkat awal turunnya al-Qurān adalah bertujuan tersebut, tetapi para Sahabat yang hidup bersama-sama Rasulullah s.a.w. telah menyaksikan sendiri peristiwa tersebut, ada yang turun khusus untuk mereka yang memerlukan keterangan syariat, atau perkara-perkara yang kesamaran lantas mereka menyoal Rasulullah s.a.w. untuk mengetahui jawapannya. Dengan sebab itulah al-Quran diturunkan, atau pun soalan-soalan mengejut, semuanya ini dikenali sebagai "Sabab al-Nuzul".

Oleh kerana peri pentingnya Sabab al-Nuzūl dalam membuat sesuatu tafsiran sebahagian orang ulama terkemuka telah mengarang kitab khusus mengenai Sabab al-Nuzūl. Antara mereka ialah Syeikh 'Aliyy al-Madīniyy, al-Wāhiḍiyy, al-Ja'bariyy, Ibn Hajar, Ibn Ḥazm, al-Šuyūtiyy dan lain-lain.

### e) Mukjizat yang kekal abadi.

Sir W.Muir, sarjana Inggeris telah menegaskan:

Demikianlah baiknya pemeliharaan Kitab al-Quran itu sehingga tidak terdapat perbezaan-perbezaan yang penting yang dapat kita katakan tidak ada perbezaan sama sekali di dalam semua Kitab al-Quran yang tidak terhitung jumlahnya di seluruh dunia Islam..... dan pemakaian kitab itu terus menerus hingga sekarang adalah satu bukti yang tidak dapat diingkari lagi bahawa di hadapan kita sekarang ini betul-betul terdapat satu kitab yang dengan teliti telah disiapkan atas perintah khalifah yang malang itu. Barangkali tak ada dalam dunia ini kitab lain yang lebih murni kandungannya (sebagai al-Qurān) yang terpelihara secara otentik sehingga dua belas abad lamanya).

#### 2.3.1 Pengertian “Analisis Wacana”

Analisis Wacana adalah merangkumi semua konsep-konsep bahasa, konsep-konsep utama dalam pendekatan yang mengandungi pertuturan, penulisan, konteks dan Co-teks, keserasian dan koherenan, teori lakuan bahasa, prinsip bekerjasama, intextuality, pengetahuan latar bagi semua jenis penganalisisan sama ada secara struktur makro, kandungan, langkah, intertextual, linguistik di peringkat mikro, genre, perbualan, grafik dan lain-lainnya. (Nesamalar Nota 1997 ms 1-3)

#### 2.3.2 Tafsir sebagai sebahagian daripada Analisis Wacana al-Qurān.

Tafsir mengikut bahasa Arab bererti menerang dan menjelaskan. Al-Tafsir atas pola تفہیل “Taf ‘il” daripada perkataan الفسرُ al-Fasr bermakna jelas dan singkap.

Al-Imām al-Suyūtiyy (1970, vol 2 ms 192-195) meriwayatkan beberapa pandangan ulama mengenai tafsir, antaranya:

Menurut al-Rāghib: Tafsir adalah lebih umum daripada Ta'wīl, dan lebih banyak digunakan untuk menghuraikan perkataan dan pengertiannya. Sementara Ta'wīl pula digunakan untuk menerangkan maksud dan ayat.

Menurut al-Maturidiyy pula: Tafsir adalah maksud yang muktamad daripada sesuatu perkataan dan dipersaksikan terhadap Allah bahawa itulah yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.. Jika didapati dalil yang sahih maka tafsiran tersebut dikira benar.

Menurut Abu Ṭālib al-Tagħħibiyy: Tafsir adalah menerangkan kedudukan perkataan sama ada hakiki atau kiasan, seperti mentafsirkan "Širāt" sebagai jalan dan "al-Šayyib" sebagai hujan.

Menurut al-Asfahaniyy: Tafsir pada pengertian ulama ialah menyingkap makna-makna al-Qurān dan menjelaskan maksudnya .

Abu Hayyan pula menjelaskan: Tafsir adalah ilmu yang membicarakan tentang bagaimana cara menyebut perkataan al-Qurān, pertunjuk, hukum-hakamnya sama ada yang berbentuk frasa atau ayat, dan maknanya yang disampaikan.

Menurut Abū Naṣr al-Qusyairiyy : Tafsir terhad hanya kepada ikutan, riwayat dan istinbat (rumusan) pada perkara-perkara yang bersangkut paut dengan Ta'wil (ayat-ayat yang berkehendakkan kepada penjelasan)sahaja.

Al-Zarkasyiyy pula menerangkan:Tafsir adalah ilmu yang difahami daripada Kitab Allah (al-Qurān) yang diturunkan kepada nabi Muḥammad s.a.w., dengan menerangkan maknanya, mengeluarkan hukum-hakamnya, hikmat-hikmatnya, menjadikan sumber ilmu nahu, marfologi, ilmu Bayan, uṣūl Fiqh, al-qirāāt, dan

berkehendakkan kepada pengetahuan mengenai sebab-sebab turunnya ayat al-Qurān dan nasikh mansukh.

Mengikut Al-Zarqāniyy (1980, vol 2 ms3) : Tafsir bermaksud:

*Ilmu yang membicarakan tentang kandungan al-Qurān mengikut apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. sekadar mana kemampuan manusia.*

Pengertian tafsir seperti yang tersebut di atas adalah jelas kepada kita bahawa tafsir termasuk dalam analisis wacana kandungan (*content analysis*), sementara ilmu tafsir pula didefinisikan sebagai:

*Ilmu yang mengkaji tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan al-Quran dari segi turun ayat,sanad, cara penerimaan, perkataan-perkataan, makna-makna yang bersangkut paut dengan perkataan tersebut dan makna-makna yang bersangkut paut dengan hukum-hakam. (al-Zarqāniyy 1980 vol2 ms 4)*

Ilmu tafsir bolehlah diertikan sebagai ilmu analisis tentang sesuatu wacana. Walau bagaimanapun analisis wacana sebagai mana yang kita fahami daripada pernyataan di atas merangkumi banyak ilmu-ilmu tentang al-Qurān sebagai wacana itu. Antara ilmu-ilmu yang dipelajari yang bersangkutan dengan al-Qurān ialah :

1. Ilmu Tajwid
2. Ilmu Qirā'āt
3. Ulum Qurān
4. Ulum Tafsir
5. Rasam 'Uthmāniyy
6. Rasam Imlaiyy.
7. Lughat al-Qurān( Bahasa al-Qurān )
8. I 'jāz al-Qurān
9. Tafsir Al-Qurān.

## 10. I 'rāb al-Qurān.

Al-Qurān telah ditafsirkan dengan berbagai cara, antaranya Syeikh Sa'īd Hawwa" mentafsirkan al-Qurān secara analisis struktur, Syeikh Al-Zamakhsyariyy pula mentafsirkan al-Qurān secara analisis linguistik dan kebanyakan mufasir membuat analisis kandungan.

## 2.4 Kaedah-kaedah Analisis Wacana Tafsiran al-Qurān.

Seseorang ahli Tafsir mestilah meneliti kaedah-kaedah di bawah ini sebelum membuat sesuatu tafsiran atau analisis mengenai ayat-ayat al-Qurān. Para ulama telah mengemukakan kaedah-kaedah dalam mentafsirkan ayat. Ini tertera dalam semua penulisan mereka khususnya dalam ilmu Uṣūl Fiqh. Kaedah-kaedah tersebut begitu banyak sekali. Oleh itu terpaksalah dirumuskan menjadi kaedah-kaedah yang terpenting dan asasi. Di sini diturunkan sebahagian sahaja kaedah yang terpenting dalam mentafsir al-Qurān. Semua kaedah ini adalah inti pati al-Qurān dan Hadis Nabi s.a.w. yang telah dikeluarkan oleh ulama-ulama salaf dan teragung seperti imam-imam mazhab dan ulama-ulama usul fiqh.

Pada pandangan ulama salaf mentafsir al-Qurān merupakan kerja berat dan memerlukan kepakaran, supaya dapat mengelak diri daripada menempa tempat duduk di dalam neraka sebagaimana yang diperingatkan Nabi s.a.w. dalam sebuah hadisnya yang mutawatir. Mereka telah meletakkan beberapa syarat, antaranya:

1. Mencari tafsirannya daripada al-Qurān juga, kerana ada ayat-ayat yang ringkas di perjelaskan oleh ayat-ayat lain mengenai perkara tersebut.
2. Apabila tidak kedapatan tafsiran di dalam al-Qurān barulah mentafsirkannya dengan Hadis Nabi s.a.w., kerana hadis adalah huraian bagi al-Qurān.

3. Jika kedua-duanya tidak kedapatan barulah di rujuk kepada perkataan dan perbuatan para Sahabat r.a., kerana mereka menyaksikan semuanya bersama Rasulallah s.a.w., mereka memiliki kefahaman yang sempurna, amal soleh, dan dikira hukum marfu' (sampai kepada Nabis.a.w.)
4. Apabila tidak kedapatan perkara-perkara tersebut di atas mereka mestilah mengikut kaedah-kaedah yang telah ditentukan oleh ulama seperti mana yang akan kita huraikan satu persatu.

#### **2.4.1 Kaedah Pertama**

"فِي كِيفِيَّةِ تَلْقَى النَّفَسِيرِ"

Cara-cara bertalaqqi tafsir.(Al-Muḥāsibiyy 1982 ms 40-41, Al-Suyūtiyy 1975 vol 2 ms 203, Al-Haitamiyy 1970 ms 228, al-Qāsimiyy 1353H ms235-236)

Yang dimaksudkan dengan kaifiat talaqqi tafsir ialah setiap orang yang ingin membuat sesuatu atau ingin melalui sesuatu jalan, mereka berkehendakkan kepakaran dan keahlian. Berilmu atau berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dalam bidang menganalisis wacana al-Qurān. Mereka hendakkan memahami betul-betul, bertanggungjawab dan thabit dalam akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Firman Allah s.w.t.:... أَنُوْا الْبَيْوَتَ مِنْ أَبْوَابِهَا ... الآية(آية 189 البقرة)

Maksudnya; "Datangilah oleh kamu sekalian rumah kamu melalui pintunya".

Sesuatu perkara apabila bertambah penting maka bertambahlah perlunya sesuatu itu dibuat dengan kajian yang teliti. Penelitian yang sempurna merupakan cara yang amat penting untuk sampai kepada tujuannya. Lebih-lebih lagi al-Qurān al-Karim yang telah diturunkan oleh Allah sebagai petunjuk kepada manusia,

sesuai untuk setiap zaman dan masa. Ianya memerlukan kesungguhan dalam penganalisisan. Firman Allah:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ ... الْآيَةُ ٩٦ (الإِسْرَاءُ)

“Sesungguhnya al-Qurān itu memberi petunjuk kepada yang lebih kukuh”

Adalah menjadi kewajipan setiap orang bertalaqqi pengertian dan tafsiran wahyu Allah itu sebagaimana para Sahabat r.a. bertalaqqi. Mereka para Sahabat apabila menerima sepuluh ayat dari Rasulullah s.a.w mereka menghafaznya, memahaminya dan mereka menganalisis apa yang dikehendaki dari segi keimanan, ilmu dan amal. Mereka sanggup pergi ke tempat turunnya al-Qurān dan beriman dengan perkara yang berlaku. Mereka beriman dengan semua peristiwa yang mengandungi perkara yang bersangkut paut dengan akidah, perkhabaran dan tunduk patuh kepada segala suruhan dan menjauhi sungguh-sungguh larangannya. Mereka merealisasikan semua apa yang mereka saksikan daripada peristiwa, kejadian yang mereka lihat dan apa yang kawan-kawan mereka lihat. Mereka bermuhasabah pada diri mereka. Adakah mereka telah melaksanakannya atau belum?, Adakah mereka tidak menunaikan tuntutan sepenuhnya atau tidak?. Bagaimanakah cara untuk mencapai perkara-perkara yang memberi manfaat?. Bagaimanakah dapat diketahui tentang apa-apa kekurangan yang terdapat di dalamnya ?. Bagaimana pula untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang mendatangkan mudarat?. Demi untuk mendapat hidayat dengan ilmunya,dapat berakhhlak dengan akhlak-akhlak dan adabnya, mengetahui bahawa al-Qurān adalah percakapan dari Tuhan yang maha Mengetahui sama ada perkara ghaib mahupun perkara-perkara yang terang. Firman tersebut ditujukan kepada

mereka, menuntut mereka supaya memahaminya dan beramal segala titah perintahnya.

#### **2.4.2 Kaedah kedua**

**"الْعِبْرَةُ بِعُمُومِ الْأَفَاظِ لَا بِخُصُوصِ الْأَسْبَابِ"**

Kaedah kedua ini bermaksud bahawa perkiraan dibuat mengikut keumuman sesuatu perkataan dan bukannya terikat dengan sebab turunnya ayat yang menyebabkan maknanya menjadi khusus. (Manna' al-Qattān 1993 ms 82, Al-Suyūtiyy 1974 vol 1 ms 110, Al-Zarkasyiyy 1972 vol 1 ms 32)

Kaedah ini sangat bermanfaat dan dapat memberi pengertian yang lebih luas dan jauh. Para pentafsir yang tidak mengikut kaedah ini akan terdedah kepada kefahaman yang sempit, menyekat banyak ilmu dan akan terjerumus ke dalam kancang kesilapan dan kejumudan yang membahayakan.

Kaedah ini telah disepakati bersama oleh para muhaqqiqin (ulama yang berhati-hati dan banyak membuat penyelidikan) dari kalangan ulama-ulama uṣūl Fiqh dan lainnya. Oleh itu, apabila mereka menerima sebab nuzūl (sebab turunnya Ayat) mereka akan menganggapnya hanya sebagai penjelas maksud ayat-ayat sahaja dan bukannya makna kepada perkataan tersebut yang tidak boleh berpindah kepada maksud yang lain.

Al-Qurān adalah kalam Allah yang bermukjizat sentiasa menyuruh kita supaya berfikir dan meneliti sepenuhnya . Oleh itu, kalau kita memakai kaedah di atas sudah tentulah ia akan membawa kepada kefahaman yang merangkumi banyak perkara. Ini adalah lebih baik daripada kita meninggalkan sebahagian makna-

makna tersebut sedangkan makna-makna tersebut dapat menambahkan kejelasan antara satu sama lain. Dengan itu Ibnu Mas'ūd telah berkata; "Bila saya mendengar Allah berfirman; "Wahai orang-orang yang beriman.....", maka pasanglah telinga kamu, pasti ada perkara baik yang akan diperintahkan atau ada perkara jahat yang hendak dilarang".(Ibn Kathīr 1981, vol 1 ms 102)

Setiap pentafsiran yang dibuat berdasarkan kaedah ini maka ia akan dapat memelihara batas-batas Allah dan Rasulnya. Allah memang mengurniakan al-Quran kepada manusia dengan bahasa yang ringkas dan padat dengan kandungan makna yang dikehendaki serta terkeluar makna-makna yang tidak dikehendaki. Firman Allah;

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثِيلٍ إِلَّا جِنَّاكَ بِالْحَقِّ وَلَهُنَّ تَفْسِيرًا (آلية 22 الفرقان)

" Dan tidaklah kami berikan kamu (Muhammad) dengan sesuatu ayat yang memberi sesuatu contoh melainkan memberi kebenaran dan sebaik-baik tafsiran".

#### **2.4.3 Kaedah ketiga**

الْأَلْفُ وَاللَّامُ الدَّاخِلَةُ عَلَى الْأَوْصَافِ وَأَسْمَاءِ الْأَجْنَاسِ تُفْقِدُ

الإِسْتِغْرَاقُ بِحَسْبِ مَا نَخَلَتْ عَلَيْهِ"

Huruf alif dan lam yang terdapat pada awal perkataan Arab yang berada pada kata nama sifat dan kata nama jenis membawa kepada faedah rangkuman median makna yang merangkumi semua jenis sesuatu mengikut konteks ayatnya. (Al-Zarkasyiyy 1972 vol 2 ms 226, vol 4 ms 87, Al-Suyūtiyy 1975 vol 2 ms 346, Al-Āmidiyy 1967, vol 1 ms 18)

Kaedah ini telah diterima pakai oleh pakar-pakar Usul Fiqh dan pakar bahasa Arab serta telah disepakati oleh ilmuwan dan ulama tauhid. Contohnya firman Allah

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ... (آية 35 الأحزاب)

Maksudnya: Sesungguhnya muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat.....Allah telah menyediakan kepada mereka keampunannya dan pahala yang sangat besar.

Termasuklah di dalam sifat-sifat di atas setiap makna yang terkandung dalam Islam, Iman , peribadatan , kebenaran dan lain-lain. Kesempumaan apa yang dimiliki oleh seseorang itulah menyebabkan mereka mendapat keampunan Allah. Mengurangkan perkara-perkara Islam atau perkara-perkara iman yang boleh menyebabkan tidak mendapat keampunan dan pahala yang besar. Begitulah , setiap sifat yang disertai dengan kebaikan, pahala dan balasan atau sebaliknya itu ketidaksempurnaan menyebabkan balasan buruk dan kekurangan.

Contoh yang lain kita lihat dalam ayat, firman Allah maksudnya:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا. إِذَا مَسَهُ الشَّرُّ جَزُوعًا وَإِذَا مَسَهُ الْخَيْرُ مَنْوِعًا (آية 19-35 المعارج)

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah lagi bakhil dan kedekut. Apabila ia di timpa kesusahan ia sangat resah gelisah dan apabila ia beroleh kesenangan ia sangat bakhil dan kedekut kecuali orang-orang yang benar-benar mengerjakan solat.

Alif dan lam pada perkataan “insan” adalah umum merangkumi semua manusia. Maksudnya semua manusia bersifat demikian kecuali yang dikecualikan iaitu orang yang benar-benar mengerjakan solat.

Firman Allah dalam ayat yang lain maksudnya:

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْرٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ (1-3 العصر)

...dan demi masa sesungguhnya manusia di dalam kerugian.

Dalam ayat al-‘Aṣr itu menunjukkan alif dan lam pada perkataan “insān” menunjukkan makna umum yang merangkumi semua manusia di dunia ini, kecuali apa yang dikecualikan iaitu orang-orang yang beriman dan melakukan amal soleh.

Kaedah ini adalah lebih penting dalam mentafsirkan ayat-ayat yang bersangkut paut dengan “Asmā’ al-Huṣnā” atau nama-nama Allah yang 99, bahkan itu adalah merupakan matlamat utama dalam analisis wacana al-Qurān. Contohnya, dalam Allah menceritakan tentang diri-Nya: Bahawa dia lah al-Rabb al-Hayy al Qayyūm, al-Mālik, al-‘Aliyy , al-Hakīm, al-‘Azīz, al-Raḥīm, al-Quddūs al-Salām, al-Hamīd al-Majīd. Maka di sini Allah adalah yang terhimpun segala makna-makna ketuhanan tersebut yang empunya hak untuk dipertuhankan.

#### **2.4.4 Kaedah keempat**

إِذَا وَقَعَتِ النَّكِرَةُ فِي سِيَاقِ النَّفْيِ، أَوِ النَّهْيِ، أَوِ الشَّرْطِ، أَوِ الْإِسْتِفْهَامِ:  
نَلَّتْ عَلَى الْعُمُومِ

Apabila sesuatu perkataan bukan kata nama khusus (indefinite noun) berada dalam kedudukan nafi, tegah, bersyarat dan pertanyaan ianya menunjukkan makna umum. (Al-Suyūtiyy 1975 vol 2 ms 346, Al-Āmidiyy vol 2 ms 187-188)

#### **Perkataan nakirah selepas tegahan:**

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا...الآية (آية 36 النساء)

Maksudnya: Dan sembahlah Allah dan jangan kamu semua menyekutui dengan sesuatu.

Perkataan ‘*syai’ān*’ bererti ‘sekutu’ adalah perkataan nakirah (indefinite noun) yang berada dalam ayat yang dimulakan dengan bentuk tegahan ‘*jangan kamu semua menyengutui-Nya* membawa kepada makna umum pada semua bentuk kesyirikan terhadap Allah, termasuklah syirik dalam semua perkara yang diniatkan, dalam perkataan yang dilafazkan, perbuatan yang dilakukan, syirik besar, syirik khafi dan syirik jali.

### **Perkataan nakirah selepas nafi:**

فِي يَوْمٍ لَا يَنْقُضُ نَفْسٌ شَيْئًا (آلية 19 المطففين):

Maksudnya: Hari yang tidak memiliki mana-mana individu terhadap individu lain sesuatu apa pun.

Perkataan yang bersifat nakirah itu ialah ‘*syai’ān*’ yang bererti sesuatu didahului oleh ayat berbentuk penafian ‘*di hari individu tidak memiliki*’ . Ini menunjukkan umum makna setiap individu, dan setiap individu pada hari itu tidak memiliki sesuatu apa pun, pada diri mereka sendiri, diri orang lain walaupun apa hubungan sekalipun, satu faedah apa pun tidak dapat dimiliki dan juga satu kemudaratan apa pun tidak dapat dihindarkan.

### **Perkataan nakirah yang terdapat selepas kata syarat**

Firman Allah s.w.t:

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكٌ لَهَا وَمَا يَمْسِكُ فَلَا مُرْسِلٌ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ (آلية 2 سورة الملائكة)

Maksudnya: Apa yang Allah bukakan rahmatnya kepada manusia maka tidak ada siapa dapat menutupnya dan tidak pula dapat menghulurkannya selepas itu.

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ قِبْلَ اللَّهِ (آلية 53 النحل)

Maksudnya: Apa saja nikmat yang datang kepada kamu maka itu adalah daripada Allah.

Kedua-dua ayat di atas menunjukkan umum perkataan ‘kebaikan’ ‘keburukan’ dan ‘nikmat’ merangkumi semua jenis kebaikan, semua jenis keburukan dan semua jenis nikmat, semuanya adalah datangnya dari Allah.

#### Perkataan nakirah yang datang selepas kata pertanyaan

Firman Allah s.w.t: كُلُّ مَنْ خَلَقَ لَيْلَةً إِلَّا هُوَ أَكْبَرُهُ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ (آية 3 سورah Al-Lail)

Maksudnya: Adakah pencipta lain selain daripada Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Tidak ada tuhan melainkan Dia!

Apabila perkataan ‘min’ dimasukkan ke dalam sesuatu frasa maka perkataan yang selepasnya menjadi umum. Maksudnya di sini apa-apa juga bentuk ciptaan dan pencipta. Bentuk ini terlalu banyak di dalam al-Qurān.

#### 2.4.5 Kaedah kelima.

المُقَرَّرُ أَنَّ الْمُضَافَ يُفِيدُ الْعُوْمُ، كَمَا يُفِيدُ ذَلِكَ اِسْمُ الْجَمْعِ

Kaedah kelima ini bermaksud bahawa perkara yang telah diperakukan: Mudaf (subjoined) membawa makna umum seperti kata nama jamak. (Al-Badakhsyiy 772H vol 2 ms 63 )

Firman Allah s.w.t.: حَرَّمَتْ عَلَيْكُمْ أَمْهَانَكُمْ...الآية (23 النساء)

Telah diharamkan ke atas kamu ibu-ibu kamu.....ke akhir ayat.

Perkataan ‘Ummahatu’ (ibu) dalam ayat di atas disandarkan kepada ‘kom’(kamu) merangkumi semua ibu-ibu yang ada kaitan dengan hubungan kekeluargaan seseorang , ke atas seperti ibu, nenek, moyang dan begitu juga anak perempuan ke bawah seperti cucu, cicit , piut dan seterusnya.

Dan firman Allah: وَمَا يَكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فِيمَنَ اللَّهُ (آية 53 النحل)

Maksudnya: Dan barang apa yang ada pada kamu daripada nikmat adalah datangnya daripada Allah.

Perkataan ‘Ma’ (barang apa) disandarkan kepada ‘bikom (pada kamu) dalam ayat di atas membawa makna umum yang merangkumi semua nikmat agama dan nikmat dunia.

#### **2.4.6 Kaedah keenam**

*الْقُرْآنُ كُلُّهُ لِتَقْرِيرِ التَّوْحِيدِ وَنَفْيِ ضَدِّهِ*

Al-Quran keseluruhannya memperakukan pentauhidan (pengesaan) Allah dan menolak perkara yang berlawanan atau apa-apa bentuk kesyirikan. (Ahmad Hasan 1970 ms55, Al-Zarqaniyy 1980 vol 2 ms 343)

Tafsiran yang tidak menyokong pentauhidan Allah dalam apa bentuk sekalipun adalah tertolak dan dikira sebagai tafsiran batil dan sesat. Banyak ayat yang memperakukan pentauhidan Tuhan dan menyeru kepada keikhlasan niat dalam melaksanakan ibadat kepada Allah yang Maha Esa yang tidak ada sekutu baginya. Al-Qurān telah menghabarkan bahawa keseluruhan nabi diutuskan untuk menyeru kaum mereka supaya menyembah Allah dan jangan sekali-kali menyekutui dengan sesuatu. Bahawa Allah menjadikan jin dan manusia hanyalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Kitab-kitab, rasul-rasul, fitrah dan akal fikiran yang sejahtera semuanya sepakat dalam hal ini dan itulah kepala bagi segala asas. Mana-mana orang yang tidak beragama dengan agama ini yang membawa kepada keikhlasan segala ibadat dan amalan kepada Allah , maka ibadat dan amalan mereka dikira batal, firman Allah s.w.t: *لَمْ أَشْرِكْ لِي بِطْنَ عَمَلَكَ... الْآيَةُ ٦٥ٌ مِّنْ زَمْرَ*

Maksudnya ; "Jika kamu (Muhammad) menyekutukan Allah maka Allah akan membatalkan segala amalan kamu".

وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحِيطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (آلية 88 المائدة)

Maksudnya: "Kalau mereka semua menyekutukan Allah akan terbatallah segala amalan yang mereka kerjakan".

Dalam mentafsirkan dan menganalisiskan ayat-ayat al-Qurān hendaklah tafsiran tersebut jangan menyalahi tauhid dengan menghalalkan perbuatan syirik umpamanya. Tafsiran yang dibuat hendaklah membawa kepada apa yang fitrah, logik bahawa Allah sahaja yang Maha Mencipta, mentadbirkan, mengurniakan nikmat zahir dan batin: Dialah Allah yang berhak untuk ibadat, dan tidak sepatutnya kepada yang lain. Makhluk semuanya tidak memiliki sesuatu kuasa terhadap makhluk lain, tidak boleh memberi sebarang manfaat dan tidak juga boleh memberi sebarang mudarat sama ada pada diri mereka mahupun diri orang lain. Masakan mereka tidak memerlukan Allah lagi kerana tidak ada siapa yang lebih kaya daripada Allah.

#### **2.4.7 Kaedah ketujuh**

*فِي طَرِيقَةِ الْقُرْآنِ فِي تَقْرِيرِ نُبُوَّةِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*

Manhaj al-Qurān adalah memperakukan kenabian nabi Muhammad s.a.w.

(Al-Baqillāniyy 1977 ms 8, Al-Badakhsiy 1967 vol2 ms56)

Kaedah ini juga adalah kaedah yang utama dalam menafsirkan al-Qurān. Tanpa berpegang kepada kaedah ini sesuatu tafsiran akan menyanggahi kerasulan Nabi s.a.w. yang akan membawa kepada kesesatan dan kadangkala seperti apa

yang berlaku kepada penganut anti hadis. Allah telah menegaskan di dalam al-Quran berbagai kenyataan yang menunjukkan betapa sempurnanya kebenaran Rasulullah s.a.w. dan dia adalah orang yang sangat benar. Baginda menyeru sebagaimana rasul-rasul terdahulu menyeru. Keseluruhan kebaikan yang ada pada nabi terdahulu ada kepada nabi kita Muhammad s.a.w. Apa yang rasul-rasul terdahulu berusaha menyuci dan membersihkan maka Rasulullah lah rasul yang utama sekali melaksanakannya. Syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w adalah syariat yang mengatasi segala syariat rasul-rasul yang terdahulu . Kitabnya iaitu al-Qurān mengatasi segala kitab yang terdahulu. Segala kebaikan yang terdapat dalam agama terdahulu semuanya terhimpun di dalam Islam syariat nabi kita Muhammad s.a.w., Nabi yang tidak tahu membaca dan menulis, baginda tidak pernah belajar dengan mana-mana ahli al-Kitāb sebelumnya, bahkan baginda mengejutkan dengan membawa ayat-ayat al-Qurān yang mana kalau dihimpunkan jin dan manusia untuk mengkritik nescaya mereka tidak dapat mencipta walau satu ayat pun seumpama al-Qurān. Adalah mustahil sama sekali al-Qurān yang begitu hebat ditulis oleh seorang manusia yang tidak tahu menulis dan membaca.

#### **2.4.8 Kaedah kelapan**

*طَرِيقَةُ الْقُرْآنِ فِي تَقْرِيرِ الْمَعَادِ*

Manhaj al-Qurān memperakukan pengembalian ke hari Akhirat. (Sayyid Qutb 1981 vol 1 ms24)

Kaedah ini adalah merupakan kaedah ketiga yang menerima kesepakatan semua rasul-rasul yang diutuskan . Perkara-perkara syariat adalah terdiri daripada tauhid,

risalah (perutusan), perkara-perkara hari Akhirat dan hari perhimpunan semua manusia.

Allah s.w.t. banyak menyebut dalam kitab-Nya dan penegasan-Nya dalam mengenai hari akhirat dalam berbagai bentuk:

- 1) Perkhabaran daripada Allah s.w.t mengenai balasan yang tidak terhingga dan mengaitkannya dengan hari Akhirat. Allah telah bersumpah pada tiga tempat seperti; maksud ayat, "Tidak Aku bersumpah dengan hari Kiamat".
- 2) Perkhabaran tentang kesempurnaan kekuasaan Allah, perlaksanaan kehendakNya dan bahawa Allah tidak ada sesuatu yang dapat melemahkanNya. Allah akan mengembalikan manusia setelah matinya mereka.
- 3) Perkhabaran tentang bagaimana berkuasanya Allah menghidupkan manusia pertama kalinya daripada tiada kepada ada , sedangkan pada masa itu mereka tidak pernah wujud, dan begitulah mudahnya Allah mengembalikan mereka wujud semula setelah mereka mati nanti.
- 4) Perkhabaran bagaimana Allah menghidupkan bumi yang mati dan akhirnya menjadi subur. Begitulah Allah akan menghidupkan semula manusia yang telah mati, Allah telah memperakukan bahawa kekuasaan-Nya lebih hebat daripada itu. Dialah yang telah mencipta tujuh petala langit dan bumi dan makhluk-makhluk lain yang lebih besar. Ahli-ahli fikir telah mengakui hakikat tersebut, dan tidak dapat mengingkarinya lagi. Oleh yang demikian kenapa manusia berfikir sukar bagi Allah untuk menghidup semula orang yang telah mati. Allah perakukan hakikat tersebut dengan ketidakterbatasan ilmuNya, kesempurnaan kebijaksanaan-Nya yang sudah tentulah tidak layak menjadikan manusia tanpa tujuan dan membiarkan begitu sahaja tanpa matlamat dan tujuan, tidak perlu disuruh dan tidak perlu dilarang, dan

tidak perlu diberi pahala dan tidak perlu disiksa, dan inilah juga yang diperakukan oleh setiap nabi.

#### **2.4.9 Kaedah kesembilan**

*فِي طَرِيقَةِ الْقُرْآنِ فِي أَمْرِ الْمُؤْمِنِينَ وَخَطَابِهِمْ بِالْأَحْكَامِ الشَّرِيعَةِ*

Manhaj al-Qur'an menyuruh para mukminin supaya melaksanakan hukum-hakam syariat. (Al-Amidiyy vol 1 ms 147)

Allah s.w.t telah memerintahkan orang-orang yang beriman supaya melaksanakan dakwah dengan menyeru manusia ke jalan-Nya dengan sebaik-baik cara. Oleh itu, cara yang paling baik ialah cara yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t, iaitu dengan hukum-hakam syariat, itulah cara yang paling terbaik.

Allah banyak menyebut tentang perlunya dikalangan umat ini yang menyeru kearah kebaikan dan melarang dari kemunkaran yang bercanggah dengan keimanan. Allah banyak berfirman , "Wahai orang-orang yang beriman buat ini buat itu, tinggal ini tinggal itu..... .

Seruan Allah kepada manusia ada dua bentuk:

**Bentuk pertama:**

Untuk galakan supaya mengerjakan perkara-perkara keimanan sama ada yang wajib atau syarat-syarat dan penyempurnaan, maka seolah Allah berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman bangunkanlah dirimu dengan melakukan perkara-perkara yang boleh menguji keimanan kamu dengan mematuhi segala perintah Allah dan untuk kamu dapat menjauhi larangan-Nya, supaya kamu dapat berakhlik dengan

akhlak yang terpuji dan supaya kamu dapat menjauhi daripada akhlak-akhlak yang rendah.

Iman yang hakiki memerlukan cara yang demikian. Ini telah disepakati oleh ulama-ulama salaf bahawa iman boleh bertambah dan berkurang, semua syariat sama ada secara zahir atau batin adalah daripada iman dan tuntutannya. Ini semua boleh dibuktikan dengan nas al-Qur'an dan Hadis.

**Bentuk kedua:**

Menyuruh orang-orang mukmin melakukannya atau meninggalkannya atau diikatkan sesuatu ayat itu dengan iman dan ungkitan. Seolah-olah Allah berfirman kepada mereka , "Wahai orang yang telah kami kurniakan iman, syukurilah nikmat Allah itu maka lakukanlah demikian...demikian dan tinggalkanlah demikian ....demikian.... Cara ini pula mengandungi beberapa bentuk:

*Bentuk pertama:*

Menyeru mereka supaya menyempurnakan iman mereka dengan memperlengkapkan diri melaksanakan titah perintah Allah pada zahir dan batin.

*Bentuk kedua:*

Menyeru mereka supaya mensyukuri nikmat iman yang diberikannya, iaitu dengan menhuraikan makna kasyukuran. Iaitu tunduk dan patuh secara sempurna kepada suruhan-Nya dan tegahan-Nya. Kadang-kadang menyeru mereka kejalan kebaikan, menegah mereka dari melakukan kemungkaran, dengan menyebut kesan-kesan kebaikan, kesan-kesan keburukan sama ada secara segera di dunia atau tangguh di akhirat.

## 2.4.10 Kaedah kesepuluh

**فِي طَرِيقَةِ الْقُرْآنِ إِلَى دَعْوَةِ الْكُفَّارِ عَلَى اخْتِلَافِ مِلَّهُمْ**

Manhaj al-Qur'an ialah berdakwah kepada orang-orang kafir dalam apa agama mereka sekalipun. (Muhammad 'Izzat 1966 vol 1 ms 509)

Al-Qur'an menyeru mereka kepada Islam, beriman dengan nabi Muhammad s.a.w., menyeru mereka kepada peraturan-peraturan yang sangat cantik dalam syariat dan agama Islam seluruhnya. Allah menyebut hujah-hujah tentang kenabian nabi Muhammad s.a.w. supaya mereka mendapat pertunjuk ke jalan yang benar, insaf akan kesesatan mereka dan menegakkan hujah keatas orang-orang yang membantah.

Dalam al-Qur'an sangat menekankan kerja dakwah dilaksanakan terhadap orang-orang kafir. Segala kebaikan yang terdapat pada Islam, pada nabi s.a.w., bukti-bukti sudah mencukupi untuk dakwah, dan memadai untuk mematikan hujah-hujah orang yang bukan Islam. Sesuatu kebenaran itu apabila sudah jelas pastilah yang lainnya itu adalah kesesatan dan batil.

Al-Qur'an berdakwah kepada mereka dengan menakutkan mereka melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat-umat yang terdahulu tentang akibat yang mereka terima di dunia dan di akhirat. Agama-agama yang karut marut penuh dengan kejahatan, akibat yang teruk disebabkan kelalaian dan pendustaan manusia terhadap ayat-ayat Allah sama ada yang berbentuk alam semesta atau ilmu pengetahuan tertirap dibawah rebahan kejihilan,taklid membabi buta warisan nenek moyang, mentaati seseorang yang sentiasa mendorong kearah kejahatan.

Al-Qurān menyeru supaya menghuraikan kekejilan agama lain yang batil itu dan supaya membandingkannya dengan agama Islam supaya lebih jelas dan terang perkara yang wajib digalakkan kearahnya.

#### 2.4.11 Kaedah ke sebelas

كَمَا أَنَّ الْمَفَسِّرُ لِلْقُرْآنِ يُرَاعِي مَا دَلَّتْ عَلَيْهِ الْفَاظُهُ، مُطَابِقًا وَمَا دَخَلَتْ فِي ضِمنِهَا. فَعَلَيْهِ  
أَنْ يُرَاعِي لَوَازِمَ تِلْكَ الْمَعَانِي، وَمَا تَسْتَدِعُهُ مِنَ الْمَعَانِي، الَّتِي لَمْ يَعْرُجْ فِي الْفَظْلِ عَلَى  
نِكْرِهَا.

Sebagaimana berkewajipan seseorang mufassir(penganalisis) pada memelihara makna ayat, perkataannya dan koheren kohesinya maka begitulah juga ia berkewajipan menjaga segala rumpun urutan makna, kehendak-kehendak makna yang tidak ketara dalam perkataan yang disebutkan. (Al-Syāfi'iyy 1979 ms 25)

Kaedah ini juga merupakan kaedah utama dalam menganalisis wacana al-Qurān, bahkan ia lebih memberi manfaat yang boleh memberi kekuatan pemikiran, baik dalam memerah pemikiran dan sihat dalam memasang matlamat. Ini tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan al-Qurān ini diturunkan oleh Allah untuk memberi pertunjuk dan rahmat. Dialah Allah yang maha mengetahui setiap sesuatu dan meliputi segala cetusan sanubari. *Para ulama Islam telah bersepakat kata (ijma') peri kemestian menerima semua rentetan dan tuntutan dalam setiap perkataan dalam kalam Allah.* Ini semuanya adalah berasal dari apa yang dikatakan di atas tadi.

Bagaimanakah caranya menggunakan kaedah tersebut?

Mulanya ialah dengan memahami apakah yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan antara makna-makna yang banyak, selepas itu barulah fikirkan perkara-perkara yang mungkin dimaksudkan. Tidak mungkin berhasil kalau tidak berbuat demikian dan kalau tidak disyaratkan seperti ini, bahkan bukan setakat itu sahaja, perlu juga memikirkan unjuran-unjuran, bahagian-bahagiannya yang mana semuanya ini memakan masa yang panjang. Apabila cara ini dapat dikuasai maka ia boleh menjadi satu keistimewaan bagi seseorang untuk mendalami makna-makna yang seni dan mendalam. Al-Qur'an merupakan satu kebenaran, turutan dan unjuran kebenaran itu adalah kebenaran. Setiap perkara yang dibina di atas kebenaran akan membawa kepada kebenaran juga. Cabang-cabangnya juga akan membawa kearah kebenaran juar.

Sebagai contohnya kita petik ayat dalam surah al-Fatiyah: "al-Rahmān al-Rahīm"

Dua perkatan tersebut adalah antara nama-nama Allah yang baik(Asma' al-Husnā) . Perkataan al-Rahmān menunjukkan betapa luasnya rahmat Allah, perkataan al-Rahmān menunjukkan makna yang sangat melebihi, berbanding dengan al-Rahmāh. Walaupun al-Rahmān, al-Rahīm dan al-Rahmāh ketiga-tiga itu berasal dari satu perkataan, tetapi al-Rahmān di sini menunjukkan sifat kasih sayang Allah di dunia ini meliputi semua makhluk tidak kira peringkat keimanan, Islam atau tidak ,kaki maksiat atau soleh apa saja dan di mana saja mereka berada, meliputi keseluruhan makhluknya. Kata sifat al-Rahmān menunjukkan kesempurnaan hayat bagi Allah, kesempurnaan kekuasaannya, meliputi pengetahuannya, terlaksananya kehendaknya dan kesempurnaan hikmahnya. Sebagai tanda kemurahan dan kasih sayangnya Allah telah mensyariatkan

syariatnya kepada manusia dan menyifatkan syariatnya itu sebagai cahaya dan rahmat. Oleh itu, Allah s.w.t telah menyifatkan kebanyakan hukum-hakamnya sebagai tanda rahmatnya dan ihsannya dan semuanya itu adalah daripada kesan ihsannya dan rahmatnya.

#### 2.4.12 Kaedah kedua belas

الآيات القراءية التي يفهم منها قصار النظر التعارض: يجب حمل كل نوع منها على ما يليق ويناسب المقام كل بحسبه وهذا في مواضع متعددة من القرآن.

Ayat-ayat al-Qurān yang difahami oleh mereka yang cetek pandangan itu membawa kepada pertelagahan. Maka wajib di jelaskan setiap ayat tersebut mengikut kesesuaian dan kontaks, dan ini banyak terdapat di dalam al-Qurān. (Al Hafnawiyy 1987 ms 54)

Antara yang terdapat di dalam al-Qurān, umpamanya beberapa ayat menceritakan bahawa orang-orang kafir tidak akan bercakap dan berkata apa-apa di hari kiamat. Dalam ayat yang lain pula bahawa mereka akan bercakap, berhujah, menyatakan sebab dan mengiktiraf.

هذا يوم لا ينطقون ... الآية (آلية 35 المرسلات)

Maksudnya: Hari ini mereka (orang kafir) tidak akan bercakap.....

فَلَوْا رَبِّنَا غَلَبَتْ عَلَيْنَا شَقَوْتُنَا وَكُنَّا قَوْمًا ضَالِّينَ (آلية 6 المؤمن)

Maksudnya: Tuhan kami penuhlah segala kesangsaraan kami dan kami dahulu adalah orang-orang yang sesat.

Untuk itu, maka mestilah diletakkan ayat pertama, mereka bercakap kerana memberikan sebab. Hujah mereka telah ditolak dengan sebab kekufuran mereka.

Selepas itu barulah ditutup mulut-mulut mereka dan dikelukan lidah-lidah mereka, sebaliknya Allah menjadikan anggota badan mereka yang akan berkata-kata tentang apa yang telah mereka lakukan, mereka melihat bahawa pendustaan tidak lagi berfaedah dan mereka terus kelu dan tidak lagi dapat berkata apa-apa.

Ayat-ayat yang pada zahirnya bertembung antara satu sama lain di dalam al-Qur'an banyak sekali. Oleh itu para pentafsir hendaklah berhati-hati dalam membuat sebarang tafsiran, dan kaedah ini perlulah dipakai untuk menghasilkan tafsiran yang tepat dan betul.

#### **2.4.13 Kaedah ke tiga belas**

**طِرِيقَةُ الْقُرْآنِ فِي الْحُجَّاجِ وَالْمُجَادِلَةِ مَعَ أَهْلِ الْأَيَّانِ الْبَاطِلَةِ.**

Manhaj al-Qur'an adalah secara berhujah dan berdebat dengan penganut agama lain yang batil. (Sayyid Qutb 1981 vol 1 ms 305)

Allah s.w.t telah memerintahkan supaya kita bermujadalah dengan mereka secara yang paling terbaik. Jika dilihat dan disingkap cara-cara rasul bermujadalah dengan golongan yang batil akan menjadi panduan yang jelas, kuat dan sebagai bukti yang kukuh dalam membenarkan sesuatu kebenaran dan menumbangkan segala kebatilan sehingga tidak wujud lagi sebarang keraguan dan ketidakteraman. Ini dapat kita lihat bagaimana para rasul telah menyeru umat-umat mereka kepada beribadat kepada Allah yang maha Esa.

Antara perdebatan tersebut dapat dilihat dalam perkara mengajak manusia semua supaya menyembah Allah, dan janganlah mereka menyembah selain dari-Nya yang tidak layak sama-sekali diberi sifat ketuhanan yang boleh diabdiikan diri.

Al-Qurān telah mencabar mereka supaya membawa sebuah kitab atau syariat yang lebih baik pertunjuknya daripada al-Qurān sendiri. Firman Allah:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأَتُوا بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلَهُ مُفْتَرِيتٍ وَادْعُوا مِنْ أَسْتَطْعَتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدَقِينَ. فَإِنْ لَمْ يَسْتَجِبُوْا لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَنْزَلَ بِعْلَمَ اللَّهِ وَأَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهُلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. (3-14 هود)

Maksudnya: Bukan sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: Wahai (Muhammad) yang mereka-reka al-Qurān itu, katakanlah (wahai Muhammad), (jika demikian tuduhan kamu) maka kamu cubalah datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Qurān itu, dan panggillah siapa yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar. Oleh itu, jika (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah sebanding dengan al-Qurān), maka ketahuilah bahawa al-Qurān itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan tidak ada tuhan yang sebenar-benarnya hanyalah Allah, maka belumkah lagi kamu menyerah kalah.

Dalam perdebatan Nabi s.a.w. yang berpanjangan dengan ahl al-Kitab khususnya orang-orang Yahudi Madinah hingga sampai ke kemuncaknya Allah mengarahkan Nabi s.a.w bermubahalah (Bersama-sama pergi ketengah padang dan meminta Allah tunjukkan siapa yang benar dan siapa yang batil).

Firman Allah:

فَمَنْ حَاجَكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ أَبْنَائَنَا وَابْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا وَنَفْسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهُ فَنَجْعَلُ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ. (آية 61 آل عمران)

Maksudnya: Kemudian sesiapa yang membantahmu mengenainya, sesudah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: Marilah kita menyeru anak-anak kami dan anak-anak kamu, perempuan-

perempuan kami dan perempuan-perempuan kamu, diri kami dan diri kamu kemudian kita memohon kepada Allah bersungguh-sungguh serta kita meminta laksana Allah ditimpa ke atas orang-orang yang dusta.

Jelaslah kepada kita bagaimana seharusnya pentafsiran harus dilakukan dalam menagani diayah-diayah Kristian, Yahudi dan agama-agama lain serta isme-isme rekaan manusia. Pentafsir perlu peka kepada pokok pangkal sesuatu tohmahan atau rancangan jahat musuh-musuh Islam dalam mengajukan sesuatu agenda atau perancangan. Kaedah ini adalah merupakan antara manhaj Sayyid Qutb dalam tafsirannya *Fi Zilal al-Qur'an*.

#### 2.4.14 Kaedah keempat belas

**حذف المتعلق المعمول فيه: يُفيد تعميم المعنى المناسب له**

Menggugurkan ayat yang berkaitan untuk diamalkannya: ia menunjukkan kepada makna umum yang bersesuaian. (*Al-Zarkasyiyy* 1972 vol 2 ms 19)

Kaedah ini tidak kurang pentingnya dalam menganalisis wacana al-Qur'an untuk menyingkap maksud-maksud yang terbaik. Sesuatu kata kerja umpamanya apabila diikatkan dengan sesuatu perkara sudah tentu akan menjadi ikatannya terhad dan khusus. Sebaliknya bila dibiarkan tanpa sebarang ikatan ayat selepasnya sudah tentu akan memberikan berbagai makna yang bersesuaian. Kadang kala menggugurkan sesuatu kata kerja tanpa diikat dengan sesuatu adalah lebih memberi faedah yang banyak dan boleh merangkumi semua maksud.

Contohnya:

Firman Allah dalam banyak ayat al-Qur'an :

*لَطَّكُمْ تَعْقِلُونَ*...

...moga-moga kamu berakal.

*لَطَّكُمْ تَنْكِرُونَ*...

...moga-moga kamu beringat.

*لَطَّكُمْ تَتَقْوَنَ*...

...moga-moga kamu bertakwa.

Moga-moga kamu berakal, boleh dihubungkan dengan perkara-perkara yang berikut:

1. ....dengan apa yang telah ditunjukkan oleh Allah kepada kamu dan apa yang telah diberikan ilmu kepada kamu.
2. ....dengan setiap ayat yang telah diturunkan kepada kamu dan hikmatnya.

Moga-moga kamu beringat boleh dihubungkan dengan:

1. ....maka jangan kamu lupa dan lalai, kerana itu boleh menjadikan kamu seorang yang sentiasa beringat dan sensitif pada setiap sunnah Allah yang belaku.
2. ....maka kamu dapat mencari segala kebaikan untuk kamu di dunia dan di akhirat.

Moga-moga kamu bertakwa boleh dihubungkan dengan:

1. .... pada setiap perkara yang boleh membawa kamu kepada kelalaian, kejahilan dan pak turut.
2. .... pada setiap perancangan musuh kamu yang mahukan kamu melakukan dosa dan maksiat.

Termasuklah maksud-maksud lain yang boleh dikaitkan bersesuaian dengan tajuk ayat tersebut, atau perkara yang berkaitan dengannya.

Contohnya, firman Allah s.w.t.:

**يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى النَّاسِ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُم تَتَّقَوْنَ (آية 183 البقرة)**

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman telah difardukan ke atas kamu berpuasa Ramadan sepetimana telah difardukan kepada umat sebelum kamu moga-moga kamu bertaqwa.

Ayat di atas merangkumi faedah berpuasa secara umum, termasuklah mogamoga kamu bertaqwa daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah, mogamoga kamu bertaqwa daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah yang bersangkutan dengan perkara-perkara yang diharamkan terhadap orang-orang yang berpuasa seperti perkataan fitnah, beramal dengan perkataan tersebut, semua hal-hal yang bersangkutan dengan keburukan dan menjauhi daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa serta larangannya.

#### 2.4.15 Kaedah kelima belas

**جَعَلَ اللَّهُ الْأَسْبَابَ لِلنَّطَالِبِ الْعَالِيَةِ مُبَشِّرًا إِلَيْهِ مُتَطَمِّنِ الْقُلُوبِ وَزِيَادَةً إِلِيمَانٍ.**

Allah menjadikan jalan-jalan menuju ke arah ketinggian sebagai berita-berita yang menggembirakan untuk menenangkan hati dan menambahkan keimanan. ( Sayyid Qutb 1981 vol 1 ms 146)

Antara ayat yang menggembirakan ialah:

#### Kemenangan dengan bantuan para malaikat .

Firman Allah: **وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشِّرَى لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ (آية 10 الأنفال)**

Maksudnya: Dan tidaklah kami jadikan bantuan malaikat melainkan sebagai berita gembira dan untuk menenangkan hati kamu.

#### Punca-punca rezeki dan turun hujan

Firman Allah: *اللهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ مُبَشِّرًا وَلِتُنْذِقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ (آية 46 الروم)*

Maksudnya: Allah yang telah mengutuskan angin sebagai berita gembira dan merasakan kamu antara rahmatnya.

#### Busyra dalam bentuk umum

Firman Allah:

*أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللهِ لَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ. الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ لَهُمُ الْبُشْرَى فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ (آية 64 يونس)*

Maksudnya: Bukankah sesungguhnya wali-wali Allah tidak ada ketakutan ke atas mereka dan tidak pula mereka berduka cita. Itulah orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertakwa. Bagi mereka berita gembira di dunia dan di akhirat.

Busyra ialah segala bukti dan tanda yang menunjukkan tentang kehendak Allah dengan kebaikan untuk mereka, bahawa mereka adalah wali-waliNya dan pilihan-Nya. Termasuklah perkara-perkara yang mereka saksikan tentang kebaikan Allah kepada mereka, taufik, pertunjuk, ilmu dan iman, pertolongan yang memudahkan mereka dan perlindungan yang menyelamatkan mereka. Termasuk jugalah pujian-pujian yang baik dan mimpi benar. Antaranya: Allah telah mengasihi mereka dengan memberi kesenangan setelah mengharungi kesusahan, ini adalah merupakan busyra kepada mereka.

## 2.4.16 Kaedah keenam belas

**حَذْفُ جَوَابِ الشَّرْطِ يَدْلُّ عَلَى تَعْظِيمِ الْأَمْرِ، وَسِدْتِهِ فِي مَقَامَاتِ الْوَعْدِ**

Menggugurkan jawab syarat untuk menunjukkan besarnya sesuatu perkara pada amaran yang sangat keras. ( Al-Zarkasyiyy 1972 vol 3 ms 181)

Firman Allah s.w.t.: (آية 12 السجدة) وَلَوْ نَرَى إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُؤُسَهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ

Maksudnya: Kalaulah kamu lihat bila orang-orang yang melakukan jenayah itu berjalan dengan menundukkan kepala di sisi Tuhan mereka.

Firman Allah s.w.t.: (آية 51 سباء) وَلَوْ نَرَى إِذْ فُزِّعُوا فَلَا فَوْتٌ

Maksudnya: Kalau kamu lihat mereka ketika mereka terkejut dengan saat kematian tiada tempat berlindung dan selamat.

Firman Allah s.w.t.: (آية 165 البقرة) وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جِمِيعًا

Maksudnya: Kalaulah orang-orang yang zalim melihat azab maka bahawa kekuatan secara mutlaknya hanya milik Allah.

Firman Allah s.w.t.: (آية 27,30 الأنعام) وَلَوْ نَرَى إِذْ وُقِّفُوا عَلَى رَبِّهِمْ

Maksudnya: Kalau kamu lihat ketika mana mereka berdiri di hadapan Tuhan mereka.

Jawapan kepada ayat-ayat bersyarat di atas tidak disebut kerana cara yang demikian lebih baik untuk memberi makna yang lebih berat sesuai dengan kedudukan kesengsaraan, kegerunan dan kesakitan yang tidak boleh digambarkan dengan perkataan dan memang tidak boleh digambarkan. Begitu juga firman Allah s.w.t.: كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ الْيَقِينِ (آية 1 الهمزة)

Maksudnya :Tidak sesekali tidak, kalaulah kamu mengetahuinya dengan pengetahuan yang yakin!

Kedudukan ayat sebenarnya: Kalauolah kamu mengetahui dengan ilmu yang yakin masakan kamu lakukan apa yang kamu sedang lakukan itu kerugian masa, lalai dan leka.

#### 2.4.17 Kaedah ketujuh belas

بعض الأسماء الوردة في القرآن إذا أفرد كل على المعنى العام المناسب له  
وإذا قرئ مع غيره كل على بعض المعنى. وكل ما قرئ معه على باقيه.

Sebahagian perkataan yang tersebut dalam al-Qur'an bila diasingkan ia membawa makna am yang bersesuaian dengannya. Bila dikaitkan dengan perkataan lain ia membawa kepada sebahagian makna dan apa yang dikaitkan menunjukkan kepada makna yang selainnya.(Al-Suyūtiyy 1975 vol 2 ms144)

Kaedah ini mengandungi banyak contoh, antaranya:

1. **Iman:** Perkataan iman dalam al-Qur'an ada yang disebut secara tersendiri dan ada pula yang dikaitkan dengan amalan soleh dan sifat-sifat lain yang mulia.

Ayat-ayat yang tersendiri tanpa sebarang ikatan membawa pengertian iman dengan semua asas-asas keimanan dan syariat zahir dan batin. Oleh itu, Allah telah menentukan bahawa melalui jaringan imanlah yang dapat menentukan ganjaran pahala untuk seseorang dan terlepas daripada azab di akhirat. Tanpa keimanan yang dicernakan dengan umum perkataan iman yang merangkumi isi hati, perkataan dan perbuatan masakan dapat memberikan sebarang kebaikan. Ulama-ulama salaf mengatakan iman itu merangkumi isi hati, perkataan dan amalan hati.

Perkataan iman yang dikaitkan dengan amal soleh ialah seperti firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mereka beramal soleh.

Iman dalam ayat ini ditafsirkan oleh ulama sebagai apa yang terkandung dalam hati daripada pengetahuan, kebenaran, iktikad dan pengembalian kepada Allah. Sementara amal soleh itu pula ditafsirkan sebagai melaksanakan segala tuntutan syarak yang berbentuk perkataan dan perbuatan.

## 2. Perkataan al-Birr dan al-Taqwā:

Perkataan al-birr apabila bersendiri tanpa ikatan membawa maksud kepatuhan kepada segala perintah dan menjauhkan diri daripada segala tegahan. Sementara takwa pula apabila bersendiri tanpa sebarang ikatan membawa maksud umum dalam apa saja ketakwaan.

Ahli tafsir telah mentafsirkan amalan al- birr sebagai semua jenis amalan kebaikan dan semua jenis kejahatan yang ditinggalkan. Sementara di tempat yang lain ahli tafsir mentafsirkan takwa dengan sifat-sifat yang membawa kepada ketakwaan. Contohnya seperti firman Allah s.w.t :

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أُعِيَّتْ لِلْمُتَّقِينَ. الَّذِينَ يُنَفَّقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ... الآية (آية 133-136 آل عمران)

Maksudnya: Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amalan-amalan baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidang luasnya se luas tujuh petala langit dan bumi, yang disediakan untuk orang yang bertakwa, iaitu orang-orang yang mendermakan harta mereka pada masa senang dan susah, orang yang menahan kemarahan dan orang yang memaafkan

kesalahan orang lain.. Ayat di atas menunjukkan kesempurnaan takwa ialah dengan sifat-sifat yang terangkan oleh Allah.

#### **2.4.18 Kaedah kelapan belas**

**اطلاق الهدایة والاصناف وتقييدها يدل على كمال توحيده وانفراده بخلق الاشياء**

Menyebut perkataan hidayah dan kesesatan secara bersendiri atau berkait menunjukkan kesempurnaan tauhid dan keesaan-Nya dalam mencipta sesuatu.

( Al-Suyūtiyy 1975 vol 3 ms 101)

Banyak ayat dalam al-Qurān yang menegaskan bahawa Allah sahaja yang berkuasa memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki dan menyesatkan siapa yang dikehendaki. Dalam ayat lain pula Allah menegaskan tentang sebab musabab yang bersangkut paut dengan seseorang hamba yang boleh membawa kepada mendapat hidayah, atau sebab-sebab yang boleh membawa kepada kesesatan. Begitu jugalah untuk mendapat keampunan daripada Allah atau mendapat kemurkaan daripada Allah, bagaimana pula Allah menghulurkan rezeki dan kadar-kadar yang telah ditentukan. Allahlah yang memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki dan menyesatkan sesiapa yang ia kehendaki, mengampuni sesiapa yang ia kehendaki dan menveksa sesiapa yang ia kehendaki.

Dalam ayat lain, Allah s.w.t. menerangkan sebab-sebab yang menyampaikan kepada hidayah , supaya hamba-hambanya mengetahui sebab-sebab tersebut dan dapat memilih jalan mana yang hendak diikutinya. Oleh itu dapatlah mereka memilih perkara-perkara yang bermanfaat dan meninggalkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan mudarat, seperti firman Allah s.w.t.:

فَلَمَّا مَنْ أَعْطَى وَلَقَى وَصَدَقَ بِالْحُسْنَى فَسَيِّسَهُ لِلْيُسْرَىٰ وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَى وَكَنَّبَ بِالْحُسْنَى فَسَيِّسَهُ لِلْعُسْرَىٰ  
(آية 10-5 الليل)

Maksudnya: Maka sesungguhnya orang yang memberi apa yang ada padanya ke jalan kebaikan, bertakwa dan membenarkan perkara yang baik maka kami akan berikan kemudahan untuk mendapat kesenangan. Sebaliknya orang yang bakhil dan merasa cukup tidak memerlukan sesiapa lagi dengan kekayaan dan kemewahan yang ada serta mendustakan perkara yang baik maka sesungguhnya kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.

Dalam ayat tersebut di atas Allah telah menerangkan bahawa sebab-sebab hidayah dan kemudahan ialah keimanan hamba dengan hukuman Tuhan dalam sunnah alam ini, ciptaan, syariat dan perkiraan-Nya dengan nilai syariat ini dan setakat mana kepatuhan seseorang.

#### 2.4.19 Kaedah kesembilan belas.

يُخْتِمُ اللَّهُ الْآيَاتِ بِإِسْمَاءِ اللَّهِ الْحَسَنَىٰ، لِيُذَلِّ عَلَىَّ أَنَّ الْحُكْمَ الْمَذْكُورَ لَهُ تَعْلُقٌ بِئْلِكَ الْإِسْمِ

الْكَرِيمُ

Allah telah mengakhiri ayat-ayat-Nya dengan Asma' al-Husnā, untuk menunjukkan bahawa hukum tersebut bersangkutan dengan nama tersebut. (Al-Zarqāniyy 1980 vol2 ms 324)

Kaedah ini adalah kaedah yang sangat menarik dan banyak memberi manfaat. Ini boleh kita lihat pada setiap penutup ayat al-Qurān. Kedudukan nama-nama tersebut begitu sesuai sekali yang menunjukkan bahawa segala hukum syarak,

perintah Allah, ciptaan-ciptaan semuanya datang dari Allah yang bernama itu dan bersifat dengan nama tersebut.

Contohnya terlalu banyak di dalam al-Qurān, antaranya firman Allah s.w.t. :

فَسُوْا هُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (آية 29 البقرة)

Maksudnya: Maka disempurnakan dengan pembinaan tujuh petala langit dan ia amat mengetahui dengan tiap-tiap sesuatu.

Dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa kejadian alam adalah dibina di atas ketidakterbatasnya ilmu Allah sehingga dapat membina langit yang begitu canggih dan terlalu besar. Dia maha bijaksana bila menyediakan alam ini untuk hamba-hambanya, ciptaannya pula sebijak-bijak ciptaan, sistemnya pula sebaik-baik sistem.

Dalam ayat yang lain pula Allah berfirman:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ الْلَّطِيفُ الْخَبِيرُ (آية 14 الملاك)

Maksudnya: Apakah tidak mereka mengetahui siapakah yang menciptanya, itulah tuhan yang maha halus tadbirannya dan maha luas ilmunya.

Penciptaan makhluk dan pentadbirannya oleh Allah dan adalah untuk kemudahan manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan semua benda-benda yang wujud di alam ini. Ini adalah sebesar-besarnya tanda betapa hebatnya ilmu Allah.

Firman Allah s.w.t. lagi:

إِنْ تُعْذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عَبَدُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (آية 118 المائدة)

Maksudnya: (Kata nabi Isa a.s. kepada Allah)...kalauolah engkau azab mereka sekalipun (Bani Israel yang degil menyembah anak lembu) mereka tetap menjadi hambaMu juga, dan jika engkau engkau ampun dosa mereka, maka sesungguhnya engkau adalah tuhan yang maha perkasa lagi maha bijaksana.

Kenapakah Allah tidak hubungkan di sini dengan nama-Nya seumpama **فَإِنَّكَ أَنْتَ**  
**الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ** tetapi sebaliknya **فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ**. Ini adalah kerana kedudukan ayat tersebut bukannya berada pada keadaan berlembut dan berbelas kasihan. Sebaliknya berada pada keadaan kemurkaan dan azab disebabkan sikap mereka mengambil ibunya dan beliau sebagai tuhan selain daripada Allah.

#### 2.4.20 Kaedah kedua puluh

**الْقُرْآنُ كُلُّهُ مُحْكَمٌ بِاعْتِبَارِ وَكُلُّهُ مُتَشَابِهٌ بِاعْتِبَارِ، وَبَعْضُهُ مُحْكَمٌ وَبَعْضُهُ مُتَشَابِهٌ بِاعْتِبَارٍ**  
**ثَالِثٌ**.

Al-Quran semuanya terang mengikut satu perkiraan, semuanya kesamaran mengikut perkiraan yang lain dan sebahagiannya terang dan sebahagian yang lain kesamaran pula mengikut perkiraan ketiga (Ibn Taimiyyat vol 13 ms 272).

Allah telah menyifatkan ayat-ayat al-Qur'an dengan ketiga-tiga perkiraan. Dalam beberapa ayat Allah menyebut bahawa ayatnya adalah muhkam (terang) sebagaimana firman Allah s.w.t.:

**أَحْكَمْتَ لِيَتَهُ ثُمَّ فَصَلَّتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَيْرٍ (آية 1 هود)** ...

Maksudnya: Al-Qur'an ayatnya terang dan kemudian diperjelas lagi dari sisi tuhan yang maha bijaksana dan maha dalam pengetahuannya.

Maksud ayat tersebut ialah bahawa al-Qur'an merupakan kemuncak kejelasan dan keserasian yang sangat tinggi. Ianya teratas sekali dari segi kekuatan penjelasan. Semua perkhabarannya adalah benar dan hakiki, tidak ada yang menyalahi dan menyanggahi. Segala suruhannya adalah kebaikan, pertunjuk, berkah dan memperbaiki. Tegahannya pula semua perkara yang membawa

kejahatan , kemudaratan, keruntuhan akhlak dan amalan-amalan yang jahat. Inilah jelasnya dan terangnya(ihkam) al-Qurān itu.

Pada waktu yang lain pula Allah menyifatkan kitabnya sebagai (mutasyabih) kesamaran, seperti dalam firmannya:

الله نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحِبْيَثِ كِتَابًا مُّتَشَابِهً... الآية (23 الزمر)

Maksudnya: Allahlah yang telah menurunkan sebaik-baik percakapan iaitu sebuah kitab yang kesamaran (mutasyabih).

Ini bermakna bahawa ayat al-Qurān kesamaran disebabkan berbagai-bagai keindahan, kebenaran, pertunjuk dan hakikat. Sebutan ayat penuh dengan makna yang bermanfaat untuk mencerdaskan akal, menyuci hati dan memperbaiki keadaan. Sebutannya pula adalah sebaik-baik sebutan, maknanya adalah sebaik-baik makna seperti mana apabila Allah menyebut tentang jenis buah-buahan dan tanaman yang merupakan nikmatnya kepada manusia, ada yang baik untuk manusia bagi pertumbuhan badan mereka dan ada makanan yang mengenyangkan. Firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالْزَرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالْزَيْتُونُ وَالرَّمَانُ مُتَشَابِهٌ وَغَيْرُ مُتَشَابِهٍ. (آلية 141 النساء)

Maksudnya: Dialah Allah yang telah menghidupkan kebun-kebun yang berpara dan yang menjalar, pokok-pokok tamar, ladang-ladang yang berbagai-bagai rupa dan rasa, zaitun, delima yang bermacam-macam dan yang tidak serupa.

#### **2.4.21 Kaedah kedua puluh satu**

الْقُرْآنُ يَجْرِي فِي إِرْشَادِهِ مَعَ الزَّمَانِ وَالْمَكَانِ وَالْأَحْوَالِ فِي أَحْكَامِهِ الرَّاجِعَةِ  
لِلْعُرْفِ وَالْعَوَانِدِ.

Al-Qur'an dalam pertunjuknya bersesuaian dengan masa , tempat dan apa juar keadaan dalam segala hukum-hakam yang berkaitan budaya mahupun adat istiadat. (Al-Būtiyy Said 1977 ms280)

Kaedah ini merupakan kaedah yang penting dan berfaedah, kerana Allah s.w.t menyuruh hambanya supaya melakukan perkara-perkara yang sedia maklum diketahui umum (ma'ruf). Perkara ma'ruf ialah perkara-perkara yang memang diketahui umum baik dari segi syarak, akal dan juga adat budaya. Oleh itu, Allah s.w.t. menyuruh orang-orang mukmin supaya melaksanakan perkara-perkara yang makruf . Allah menegah mereka daripada melakukan perkara-perkara mungkar. Perkara mungkar ialah perkara-perkara yang buruk pada syarak, akal dan juga adat budaya. Jadi Allah telah menyuruh hambanya yang beriman supaya menyeru dengan perkara yang makruf dan mencegah perkara-perkara mungkar dan mereka disifatkan dengan yang demikian.

Terdapat banyak sekali ayat-ayat al-Qur'an untuk ditafsirkan mengikut adat budaya masing-masing, firman Allah s.w.t.:

كُلُوا وَلَا شَرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا... الآية (آلية 141 الأنعام)

**Maksudnya:** Makanlah dan minumlah kamu dan jangan boros.

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِيَسَّاً يُوَارِي سُوَاتِرَتُمْ وَرِيشًا (آلية 26 الأعراف)

**Maksudnya:** Wahai anak Adam sesungguhnya kami telah turunkan kepada kamu pakaian dan bulu untuk menutup kemaluan kamu .

Allah s.w.t. telah menghalalkan kepada hambanya makan, minum dan memakai pakaian tanpa dijelaskan sedikitpun tentang jenis makanan, minuman atau pakaian.. Allah maha mengetahui bahawa hambanya berbeza-beza dalam banyak hal, masa dan tempat. Oleh itu, tertakluklah keharusan semuanya itu di

mana saja mereka berada dan tidak pula diambil kira apa jenisnya dan ada waktu turunnya ayat tersebut atau tiada.

Dalam soal persiapan alat-alat ketenteraan pula Allah berfirman:

وَأَعِنْهُوا لَهُمْ مَا أُسْتَطِعُمُ مِنْ قُوَّةٍ...الآية (آية 60 الأنفال)

Maksudnya: Hendaklah kamu mempersiapkan diri untuk menghadapi mereka sekadar mana yang mampu dari apa-apa kekuatan.

Telah kita maklum bahawa senjata dan kekuatan yang wujud waktu turunnya ayat al-Qur'an dahulu bukanlah setanding dengan zaman sekarang ini. Oleh itu ayat ini menyuruh kita supaya mencari kekuatan yang sesuai dan setanding dengan masa dan tempat.

#### **2.4.22 Kaedah kedua puluh dua.**

فِي مَقَاصِدِ مَا يَضِرُّ الْقُرْآنَ مِنْ الْأُمَّالِ أَعْلَى وَأَكْمَلُ وَأَنْفَعُ الْمَوَاضِيعِ الَّتِي  
يَحْتَاجُ الْخَلْقُ إِلَيْهَا فِي جَمِيعِ الْأَنْوَاعِ.

Tujuan perumpamaan-perumpamaan di dalam al-Qur'an sangatlah tinggi nilainya, tepat dan sangat bermanfaat pada setiap perkara yang diperlukan oleh hamba-hambanya dalam anika jurusan. (Al-Zarqāniyy 1980 vol 2 ms 123)

Di dalam al-Qur'an mengandungi semua perkara yang bermanfaat, bernilai dan sempurna yang mencakupi segala apa yang diperlukan oleh manusia. Di dalamnya juga sebaik-baik jalan pengajaran yang boleh menyampaikan makna ke hati nurani secara mudah dan jelas. Cara yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran ialah membuat perumpamaan. Allah s.w.t. telah menyebut perumpamaan-perumpamaan dalam hal-hal yang penting, seperti dalam perkara-perkara tauhid,

pengesaan tuhan dan kesyirikan. Semuanya ini ialah untuk menjelaskan makna-makna yang bermanfaat, dan mengumpamakannya dengan perkara-perkara yang boleh dirasai seolah-olah pembaca berada dalam keadaan realiti.

Dalam menceritakan tentang wahyu dan ilmu, Allah mengumpamakannya seperti al-ghaith (awan mendung) dan hujan.

Firman Allah: *أَوْ كَصَّابٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلْمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ..... (آية 19 البقرة)* Maksudnya: Oarang-orang munafiq menyumbat telinga mereka apabila mendengar ayat-ayat Allah kerana tidak sanggup mendengar amaran Allah sama seperti orang yang ditimpa hujan lebat dan petir.

Allah mencabar orang-orang kafir Quraisy yang mempersenda-sendakan perumpamaan yang diberikan oleh Allah di dalam al-Qurān, maka Allah menyatakan:

*إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْدَهُ فَمَا فَوْقَهَا (آية 26 البقرة)*

Maksudnya: Allah tidak segan membuat perumpamaan berupa nyamuk atau yang lebih rendah daripada itu.

Nyamuk bukanlah sebarang serangga yang kecil dan hina, tetapi dapat menyebabkan ketenteraman manusia terancam, dan manusia terpaksa menghabiskan berjuta ringgit membuat kajian untuk mengatasi penyakit-penyakit yang dibawa oleh nyamuk. Tidak terasing lagi nyamuk yang kecil dan hina itu dalam ilmu perubatan moden.

Pemerhatian yang teliti membawa berbagai ilmu lain yang memberikan manfaat ilmu pengetahuan dan pulangan ekonomi kepada manusia.

### 2.4.23 Kaedah kedua puluh tiga

إِرْشَادَاتُ الْقُرْآنِ عَلَى نَوْعَيْنِ: أَحَدُهُمَا: أَنْ يُرْشِدَ أَمْرًا وَنَهِيًّا وَخَبَرًا إِلَى أَمْرٍ بِالْمَعْرُوفِ شَرْعًا أَوْ مَعْرُوفِ عَرْفًا كَمَا تَقْدِيمُهُ وَالنَّوْعُ الثَّانِي: أَنْ يُرْشِدَ الْعَبْدَ إِلَى اسْتِخْرَاجِ الْأَشْيَاءِ النَّافِعَةِ مِنْ أَصْوَلِ مَعْرُوفَةٍ، وَأَنْ يَعْمَلَ الْفِكْرُ فِي اسْتِفَادَةِ الْمَنَافِعِ مِنْهَا.

Petunjuk al-Qur'an terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Petunjuk dengan suruhan, tegahan dan penceritaan kearah perkara makruf dari segi syarak atau perkara makruf dari segi adat atau budaya.

Kedua: Petunjuk dengan menyuruh seseorang hambanya melahirkan sesuatu yang bermanfaat daripada asas pengetahuan, dan menggunakan akal untuk mengambil manfaatnya. (Al-Badakhsiy 1963 vol 1 ms 30)

Kaedah ini adalah sepenting-penting kaedah. Ini kerana:

Bahagian pertama dalam kaedah ini menunjukkan bahawa kebanyakan petunjuk al-Qur'an adalah dalam bentuk perkhabaran dan kebijaksanaan.

Bahagian ke dua pula, yang dimaksudkan di sini- menyeru hamba-hambanya dalam banyak ayat supaya berfikir tentang kejadian tujuh petala langit dan bumi, jenis-jenis alam dan supaya membuat kajian. Allah menjelaskan bahawa dia menjadikannya adalah untuk kegunaan dan fedah bagi manusia. Umpamanya Allah telah menurunkan besi yang pempunyai kekuatan yang hebat dan sangat bermanfaat kepada manusia, firman Allah: وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ آية 13 الجاثية

Maksudnya: Dia telah menyediakan kepada kamu apa yang ada di tujuh petala langit dan bumi keseluruhannya daripadanya.

Daripada sini sudah tentu akal akan berfikir dan kemudiannya menghasilkan ilmu yang bermanfaat. Oleh itu, lahirlah dua jenis ilmu yang sangat bermanfaat kepada manusia:

Pertama: Ilmu tauhid yang meletakkan kesempurnaan dan ketinggian Allah yang Maha Pencipta, dan inilah yang paling banyak dijadikan hujah oleh ulama-ulama untuk menerangkan sifat-sifat Allah yang Maha Sempurna itu.

Kedua: Ilmu yang berasaskan kepada pemikiran yang lahir dari suruhan Allah tadi. Apabila Allah telah memerintahkan manusia supaya berfikir segala jenis kejadianya yang disediakan untuk manusia, maka dari situ lahir banyak perkara yang bermanfaat, kebaikan-kebaikan dunia dan akhirat. Manusia mulalah menakluk bumi ini dengan mengeluarkan segala isi kandungannya dari berbagai jenis logam, perhiasan dan sumber-sumber yang sangat bermanfaat kepada manusia. Manusia mempelajari bercucuk tanam, membajak dan tukang menukang dan akhirnya melahirkan industri yang besar-besar.

#### **2.4.24 Kaedah kedua puluh empat**

الْقُرْآنُ يُرْشِدُ إِلَى التَّوْسِطِ وَالْإِعْدَالِ. وَيُنَهِمُ التَّقْصِيرَ وَالْغُلُوْ وَمُجَاوَزَةَ الْحِدَّةِ فِي كُلِّ الْأَمْوَارِ.

Al-Qur'an memandu ke arah pertengahan dan kesederhanaan, mencela kekurangan , melampau dan melebihi batas dalam setiap perkara. (Al-Zarqāniyy 1980 vol 2 ms 89)

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ (آية 90 مريم)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah menyuruh kamu supaya berlaku adil dan ihsan.

Firman Allah lagi: قُلْ أَمْرِ رَبِّيْ بِالْقِسْطِ (آية 15 الحakan)

Maksudnya: Katakan ya Rasulullah, tuhanku menyuruh supaya berlaku adil.

Adil dalam setiap perkara yang dimaksudkan dalam ayat diatas adalah berpada-pada sebagai satu tuntutan , jangan melampaui batas dan jangan pula terlampau meringankan sehingga lebih daripada yang sepatutnya sehingga sanggup mengetepikan kebenaran.

Perintah supaya bersikap sederhana ini merangkumi semua aspek kehidupan dan ibadat. Dalam ibadat Allah memerintah supaya mengikuti jejak Nabi-Nya s.a.w. yang tidur dan berjaga malam, berpuasa dan berbuka, berkahwin tidak membujang. Kesederhanaan dalam menghormati dan memuliakan ulama atau seseorang supaya tidak sampai kepada pendewaan yang membawa kepada kesyirikan. Dalam berbelanja pula, Allah memerintahkan supaya berbelanja secara sederhana dan tidak pula terlalu bakhil. Dalam makan minum juga, Allah memerintahkan supaya bersikap kesederhanaan. Berjalan, bersuara juga supaya jangan terlalu kuat seperti keldai.

### **3.4.25 Kaedah kedua puluh lima**

حُدُودُ اللَّهِ قَدْ أَمَرَ بِحِفْظِهَا وَنَهَىٰ عَنْ تَعْدِينِهَا وَقَرْبَاتِهَا.

Batas-batas Allah telah diperintahkan oleh Allah supaya memeliharanya dan Allah menegah daripada melampauinya dan mendekatinya.(Al-Zarqaniyy 1980 vol 2 ms 50)

Allah s.w.t. berfirman: **وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ** (آلية 112 التوبية)

Maksudnya: Dan orang-orang yang memelihara batas-batas Allah.

**نَّلِكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرِبُوهَا** (آلية 187 البقرة)

Maksudnya: Itulah batas-batas Allah jangan kamu mendekatinya.

**نَّلِكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَنُوهَا** (آلية 229 البقرة)

Maksudnya: Itulah batas-batas Allah jangan kamu melampauinya.

Apa yang dimaksudkan dengan batas-batas Allah ialah, perkara-perkara yang telah digariskan oleh Allah kepada hambanya daripada syariat yang zahir dan batin menyuruh mereka supaya mengerjakannya dan perkara-perkara haram yang diperintahkan meninggalkannya. Sementara memeliharakannya ialah menunaikan hak tanggung jawab yang mesti dan meninggalkan semua perkara haram yang zahir dan yang batin.

Berdasarkan pengetahuan mengenai batas-batas Allah dengan mendalam, dapatlah para penganalisis mengetahui apa yang perlu ditekankan dalam perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab dan hak-hak asasi dan melaksanakannya dengan sempurna, tanpa mengurangkan kehendak dan tuntutan . Meneliti dalam menentukan mana yang perl seharusnya dimasukkan kedalam perkara-perkara haram untuk dijauhi, dan tidak dipengaruhi oleh syaitan. Allah telah mencela orang-orang yang tidak memperdulikan hukum-hakam Allah yang telah diturunkan kepada rasul-Nya, sebaliknya Allah telah memberi pujian kepada orang yang mematuhi hukum-hakam Allah . Firman Allah s.w.t.: **نَّلِكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَنُوهَا** (آلية 229 البقرة)

Maksudnya: Itu adalah Hudud Allah maka jangan kamu melampauinya.

Perkara-perkara yang dihalalkan oleh Allah kepada hambanya dan diperjelaskan oleh syarak hendaklah diikuti dan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak mendekatinya maka hendaklah dijauhi sama sekali.

#### 2.4.26 Kaedah kedua puluh enam

الْأَصْلُ أَنَّ الْآيَاتِ الَّتِي فِيهَا قِيُودٌ لَا تَثْبُتُ أَحْكَامَهَا إِلَّا بِوُجُودِ تِلْكَ الْقِيُودِ،  
إِلَّا فِي آيَاتٍ يَسِيرَةٍ.

Pada segi kaedahnya: Bahawa sesuatu ayat yang mengandungi kaitan tidak akan thabit hukumnya kecuali dengan kewujudan kaitan tersebut, kecuali beberapa ayat sahaja. (al-Ghazāliyy 1971 ms 46 , al-Āmidiyy 1967 vol 3 ms 4)

Kaedah ini merupakan satu kaedah yang istimewa, yang mana Allah s.w.t. apabila menentukan sesuatu hukum dalam kitabnya maka ia akan diikatkan dengan ikatan tertentu, atau syarat tertentu. Oleh itu hukum tersebut terikat dengan syarat tersebut. Ayat-ayat hukum seumpama ini banyak terdapat di dalam al-Qurān. Walaupun begitu, ada juga ayat yang berkait tetapi dikecualikan oleh ahli tafsir dengan kata mereka , “Bahawa kaitan ini tidak dikehendaki”. Tetapi perkataan tersebut masih boleh dipertikaikan kerana di dalam al-Qurān setiap perkataan mempunyai maksud dan rahsia tertentu. Apa yang mereka maksudkan tersebut adalah thabitnya hukum walau dengan kaitan tersebut.

Sebagai contoh ayat yang berkait yang tidak memberi kesan kaitan tersebut kepada hukum tetapi sebaliknya memberi kesan lain, firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ أَخْرَى لَا يُرْهَانُ لَهُ بِهِ (آلية 117 المؤمنون)

Maksudnya: Dan sesiapa yang menyeru selain daripada Allah sebagai tuhan sesungguhnya mereka tidak ada bukti untuknya.

Adalah merupakan perkara yang lumrah bahawa orang yang menyeru tuhan lain selain daripada Allah s.w.t. menjadi kafir dan orang yang kafir tidak ada bukti lagi. Dalam ayat ini Allah kaitkan lagi ayat tersebut dengan katanya, "mereka tidak ada bukti untuknya". Oleh itu, tujuan kaitan ini bukan hanya untuk menentukan hukum tetapi untuk tujuan lain seperti menjelaskan betapa buruknya syirik dan si musyrik tersebut yang tidak memiliki sebarang bukti sama ada secara syarak atau akliah.

Dalam ayat lain Allah berfirman:

وَرَبَّانِيكُمُ اللَّهُ الَّذِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ اللَّاتِي نَخْتَمُ بِهِنَّ (آية 23 النساء)

Maksudnya: Dan anak tiri kamu yang berada dalam bilik kamu yang telah kamu jimat ibu mereka sebagai isteri kamu.

Keadaan anak tiri ketika berada dalam bilik atau tidak bukanlah penentu pengharaman perkahwinan secara muabbad (selama-lamanya) . Secara mutlaknya memang sudah diharamkan. Oleh itu, sebutan berkait di sini adalah untuk kecaman kepada orang yang hendak mengahwini anak tiri mereka sendiri dan dikira sebagai perbuatan yang sangat keji kerana mereka tinggal serumah seperti anak-anak mereka sendiri.

Contoh untuk ayat yang mempunyai kaitan yang menthabitkan hukum ialah seperti firman Allah s.w.t.: **وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ** (آية 151 الأنعام)

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh mana-mana jiwa yang mana Allah telah mengharamkannya kecuali dengan hak.

Kaitan **kecuali dengan hak** telah ditafsirkan dengan hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi ; Jiwa dengan jiwa, penzina muhsan, orang keluar daripada Islam yang telah mengeluarkan diri mereka daripada jemaah Islam.

(Riwayat Bukhāri dan Muslim daripada Ibn Masūd ,Hadis ke14 Hadis 40)

#### **2.4.27 Kaedah kedua puluh tujuh.**

**الْمُحْتَرَّاتِ فِي الْقُرْآنِ تَقَعُ فِي كُلِّ الْمَوَاضِيعِ عِنْدَ الْحَاجَةِ إِلَيْهَا.**

Muhtarazat ( perkara yang terkeluar) terdapat pada setiap tempat di dalam al-Qurān ketika ia diperlukan.(Al-Zinjāniyy 1978 ms 162)

Kaedah ini adalah kaedah yang sangat berfaedah dan besar kegunaannya kerana pada setiap perkara yang disentuh oleh Allah s.w.t sama ada pada hukum-hakamnya, atau perkhabarannya maka akan terlintas pada hati kita kepada sesuatu yang lain pula. Oleh itu kita akan dapati bahawa Allah s.w.t. telah menyertakan sesuatu perkara yang boleh menyingkap pemikiran kepada berbagai perkara lain, maka Allah telah menjelaskan dengan penjelasan yang sangat baik dalam ayatnya. Inilah kemuncak pengajaran kerana setiap keraguan yang berkemungkinan timbul daripada pemikiran manusia, maka Allah akan menghilangkannya dan tidak ada perkara yang berkemungkinan tercetus dari perkara atau hukum tersebut melainkan Allah telah perjelaskannya satu persatu. Semuanya itu menunjukkan kelebihan Allah yang Maha Agong dan Maha Bijaksana, yang dapat dilihat dan diperhatikan begitu banyak di dalam al-Qurān.

Sebagai contoh untuk kaedah ini firman Allah s.w.t :

إِنَّمَا أَمِرْتُ أَنْ أَعْبُدُ رَبَّ هَذِهِ الْبَلْدَةِ الَّذِي حَرَّمَهَا... (آلية 91 النمل)

Maksudnya: Hanya sanya aku diperintahkan supaya menyembah tuhan pemilik tanah suci ini.

Menkhususkan Mekah dalam sebutan ayat tersebut di atas boleh menimbulkan keraguan bahawa ketuhanan Allah terhad dengan memiliki Mekah. Oleh itu, dalam ayat lain Allah berfirman:

*وَلَهُ كُلُّ شَيْءٍ (آلية 91 النمل)*

Maksudnya: Dan baginya setiap sesuatu .

Untuk menghilangkan salah faham tersebut dalam surah Hud pula Allah berfirman :

*فَلَا تَكُنْ فِي مِرْيَةٍ مِمَّا يَعْبُدُ هُؤُلَاءِ (آلية 109 هود)*

Maksudnya: Janganlah kamu menjadi orang yang dalam keraguan tentang apa yang mereka sembah itu.

Dalam ayat ini menunjukkan seolah-olah orang-orang yang ingkar memiliki hujah tentang kekufuran mereka , maka Allah menjelaskan dalam ayat yang lain dengan firman-Nya:

*مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ آباؤُهُمْ مِنْ قَبْلِ (آلية 109 هود)*

Maksudnya:Tidaklah mereka sembah kecuali sama sahaja dengan apa yang telah disembah oleh nenek moyang mereka dahulu.

Maksudnya di sini bahawa mereka mengikut nenek moyang mereka secara membuta tuli dengan kejahilan yang bertindan tindan. Mereka merasa aman dengan sebahagian hujah mereka. Dengan itu, Allah s.w.t. telah mengancam mereka, firman-Nya:

*وَإِنَّا لَمَوْفُورُهُمْ نَصِيبُهُمْ غَيْرُ منْقُوصٍ - إِلَى قَوْلِهِ - وَإِنَّهُمْ لَنِي شُكِّ مِنْهُ مَرِيبٌ (آلية 109 هود)*

Maksudnya: Kami akan menunaikan nasib mereka tanpa sedikit pun yang kurang.....dan sesungguhnya mereka berada dalam kesangsian yang meragukan.

### 3.4.28 Kaedah kedua puluh lapan.

فِي نِكْرِ الْأَوْصَافِ الْجَامِعَةِ الَّتِي وَصَفَ اللَّهُ بِهَا الْمُؤْمِنُ. لَمَّا كَانَ الْإِيمَانُ أَصْلُ كُلِّ  
خَيْرٍ وَفَلَاحٍ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَيُفْقِدُهُ يَقْدُرُ كُلَّ خَيْرٍ دِينِيٍّ وَدُنْيَوِيٍّ وَآخَرَوِيٍّ. أَكْثَرُ اللَّهُ  
نِكْرَهُ فِي الْقُرْآنِ جِدًا.

Pada menyebut sifat-sifat yang terdapat pada orang-orang yang beriman sebagaimana yang disebut oleh Allah. Apabila iman menjadi teras untuk segala kebaikan dunia dan akhirat, ketandusan iman bererti kehancuran dunia dan akhirat. Itulah sebabnya Allah memperbanyakkan sebutan iman di dalam al-Qurān. (Al - Fairūzabādiyy 1385H vol 2 ms 150)

Ketandusan iman mengakibatkan ketandusan keseluruhan kebaikan agama, dunia dan akhirat. Oleh itu Allah s.w.t. begitu banyak sekali menyebut perkara iman di dalam al-Qurān sama ada sebagai satu perintah dan suruhan, tegahan, kebencian, galakan dan ganjaran yang lumayan atau menerangkan sifat orang-orang yang akan mendapat balasan dunia dan akhirat.

Dalam menyatakan tentang peringkat dan darjah, jika kedudukan orang-orang yang beriman itu berhadapan dengan perkara-perkara suruhan dan tegahan Allah atau pada kedudukan penthabitan hukum duniawi dengan keimanan, maka percakapan Allah akan merangkumi keseluruhan orang-orang yang beriman sama ada mereka menyempurnakan hak-hak iman mereka atau pun tidak.

Dalam suasana Allah memuji orang-orang yang beriman, menerangkan balasan yang sempurna bagi mereka maka apa yang dikehendakki oleh Allah ialah orang-orang yang benar-benar beriman dan yang telah menghimpunkan segala tuntutan keimanan.

Contoh untuk perkara yang pertama ialah seperti firman Allah s.w.t.:

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ أَمْنَوْا كُتُبَ عَلَيْكُمْ الْآيَةُ 183 الْبَقْرَةُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya Allah telah memfardukan kepada kamu berpuasa Ramadan.....

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ أَمْنَوْا كُتُبَ عَلَيْكُمْ الْقِتَالُ الْآيَةُ 216 الْبَقْرَةُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya Allah telah memfardukan kepada kamu peperangan.....

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ أَمْنَوْا كُتُبَ عَلَيْكُمُ الْعِصَاصُ الْآيَةُ 178 الْبَقْرَةُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya Allah telah memfardukan kepada kamu qisas....

Contoh untuk perkara yang kedua ialah firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا تُكَرَّرَ اللَّهُ وَجْهُهُ وَجَلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلَيَّتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ الَّذِينَ يَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقَهُمْ يَنْفِقُونَ اولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا الْآيَةُ 2,3,4 الْأَنْفَالُ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu apabila disebut nama Allah gementar hati mereka dan apabila dibaca ayat-ayat Allah maka bertambahlah iman mereka. Mereka sentiasa bertawakkal kepada Allah. Merekalah orang yang mendirikan solat, dan membelanjakan rezeki yang kami kurniakan kepada mereka dan mereka itulah orang yang beriman sebenar-benarnya.

Allah telah menyifatkan orang-orang yang beriman dengan berbagai-bagai sifat di dalam al-Qur'an seperti orang yang sentiasa membenarkan, tunduk patuh kepada titah perintah Allah, beriman dengan rukun-rukun iman, gementar kulit belulang mereka bila mendengar bacaan al-Qur'an, orang yang sentiasa bersifat khusuk dalam apa hal sekalipun, berjalan dengan penuh tawaduk, keyakinan yang

sempurna, kasih kepada orang-orang yang beriman, sentiasa berdoa kepada orang-orang yang baik-baik terdahulu dan yang akan datang.

#### **2.4.29 Kaedah kedua puluh sembilan.**

*فِي الْفَوَادِ الَّتِي يَجْتَبِيهَا الْعُبُدُ مِنْ مَعْرِفَتِهِ وَفَهْمِهِ لِأَجْنَاسِ عُلُومِ الْقُرْآنِ.*

Faedah-faedah yang akan diperolehi oleh seseorang hamba Allah dengan pengetahuan dan kefahaman terhadap ilmu-ilmu al-Qurān. (Al-Zarqāniyy 1978 vol 2 ms 59)

Kaedah ini hampir menjadi tujuan utama ilmu tafsir atau analisis wacana al-Qurān kerana al-Qurān itu sendiri merangkumi keseluruhan ilmu pengetahuan dan berbagai jenis ilmu pengetahuan. Orang yang memiliki akal yang bijak akan merenung ayat-ayat al-Qurān dan akan dapat mengetahui jenis-jenis ilmu. Sebagai contoh kita lihat ilmu-ilmu yang terdapat di dalam al-Qurān. Orang-orang yang berakal akan bekerja keras untuk menghasilkan ilmu-ilmu tersebut dengan membuat analisis yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Qurān. Dari sinilah akan terhasilnya ilmu pengetahuan, kebenaran, suasana dan amalan atau sikap.

Ilmu-ilmu al-Qurān mencakupi segenap bidang, dan Allah tidak meninggalkan sesuatu perkara pun melainkan disentuhnya, sama ada secara terus atau kiasan, terperinci atau kaedah. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, syariah, kehidupan harian, sains, astronomi, sebelum dan selepas kehidupan manusia, juga nama-nama makhluk yang tidak kesampaian manusia untuk meneroka dan mengkajinya.

#### 2.4.30 Kaedah ketiga puluh.

أَرْكَانُ الْإِيمَانِ بِالْأَسْمَاءِ الْحُسْنَىٰ ثَلَاثَةُ: إِيمَانًا بِالْأَسْمَاءِ، وَبِمَا دَلَّ عَلَيْهِ مِنْ  
الْمَعْنَىٰ، وَبِمَا تَعَقَّبَ بِهِ مِنْ أُثَارٍ.

Rukun iman dengan nama-nama Allah yang baik (أسماء الحسنی) terbahagi kepada tiga bahagian: Keimanan kita dengan nama-nama tersebut, kandungan dalam nama-nama tersebut dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya mengikut tafsiran Hadis. (Al-Ghazāliyy 1968 ms 8, Ibn Taimiyyat vol13ms30)

Kaedah ini juga merupakan kaedah yang penting: Terutamanya mengenai nama-nama Allah yang terdapat lapan puluh lebih nama dalam al-Quran dan bakinya disebut secara perbuatan yang disebut di dalam hadis nabi. Nama-nama tersebut berulang-ulang di dalam al-Qurān yang dikaitkan dengan sesuatu perintah atau sesuatu ciptaan atau mengenai pahala dan dosa.

Setiap muslim hendaklah beriman bahawa Allah itu عَلِيٌّ (Maha Alim), memiliki ilmu yang sangat luas tidak terbatas dan segala kejadian tidak terlepas daripada pengetahuan-Nya, susunan-Nya, pengurusan-Nya dan segala-galanya. Allah Maha Berkuasa (قَدِيرٌ), memiliki kuasa mutlak dan kekuatannya tiada tolok banding dalam semua hal serta Maha Berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu. Allah Maha Mengasihani (رَحِيمٌ), mempunyai kerahmatan dan kasih-sayang yang tidak terhingga dan kasih-sayang-Nya itu meliputi keseluruhan alam ini. Begitulah ketiga-tiga rukun tersebut seiringan tidak boleh dipisahkan.

Nama-nama tersebut menunjukkan sifat yang dimiliki oleh yang empunya nama dan merangkumi kesannya ke atas seluruh kesan perbuatannya. Ketiga-tiga

rukun tersebut tidak boleh dinafikan dan penafian salah satu daripada perkara tersebut membawa kepada kecacatan tauhid seseorang yang merupakan asas kepada tauhid.

#### **2.4.31 Kaedah ketiga puluh satu.**

**رُبُوبِيَّةُ اللَّهِ فِي الْقُرْآنِ عَلَى نُوَعَيْنِ: عَامَّةٌ وَخَاصَّةٌ**

Sifat Rububiyyah Allah dalam al-Qur'an terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Rububiyyah am dan Rububiyyah khas. ( Al-Zarqāniyy vol 2 ms 343)

Banyak sekali terdapat di dalam al-Qur'an sebutan sifat Rububiyyah dan perkara-perkara yang bersangkut paut dengan sifat-sifat tersebut, serta segala kepastian unjuran daripada sifat-sifat tersebut. Sifat-sifat Rububiyyah Allah boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

Rububiyyah Am, iaitu termasuk di dalamnya seluruh makhluk , sama ada yang baik atau yang jahat, mukallaf atau bukan mukallaf, juga termasuk benda-benda yang bukan hidup. Allah sahaja sebagai pencipta mutlak, pemberi rezeki, pentadbir dan tempat bergantung seluruh makhluk untuk hidup. Pentadbiran dan pengurusan Allah ini tidak dikongsi dengan sesiapa pun.

Rububiyyah Khas, adalah penjagaan Allah terhadap para pilihannya dan wali-walinya. Mereka diperlihatkan Allah wahyunya dengan dipancarkan mata air ilham dan memberi hidayat kearah keimanan.

Pemerhatian mendalam pada ayat-ayat mengikut kaedah ini sangatlah penting dan memberi kefahaman yang jelas kepada seseorang. Contohnya, dalam banyak

ayat Allah telah menceritakan kepada hamba-hamba-Nya bahawa semua makhluk adalah ciptaan-Nya dan hamba-Nya. Firman Allah s.w.t.:

إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا تِبْيَانُ رَحْمَنِ عَبْدًا (آية 93 مریم)

Maksudnya: Tidak ada siapapun yang ada di tujuh petala langit dan bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) al-Rahman sebagai hamba.

Mereka semua adalah milik-Nya. Mereka tidak akan memiliki sebarang kerajaan, pemerintahan dan hinggakan diri mereka sendiri tidak akan diberi kuasa untuk menguruskannya.

Dalam ayat yang lain Allah menceritakan mengenai sebahagian makhluk-Nya adalah hamba-Nya, firman Allah:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِي يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُنَّ أَهْلَ الْقُرْآنِ (آية 63 الفرقان)

Maksudnya: Dan hamba-hamba al-Rahman (Allah) ialah orang-orang yang berjalan di atas muka bumi dengan rendah diri (tidak sompong).

Natijahnya, ubudiyyah yang pertama merangkumi orang-orang baik dan jahat. Ubudiyyah yang kedua pula adalah merupakan sifat bagi orang-orang yang baik. Perbezaannya pula, Rububiyyah adalah sifat Allah dan perbuatan-Nya dan ubudiyyah pula adalah sifat hamba-hamba-Nya dan perbuatan mereka.

### 3.4.32 Kaedah ketiga puluh dua.

إِذَا أَمَرَ اللَّهُ شَيْئًا كَانَ نَاهِيًّا عَنْ ضِدِّهِ، وَإِذَا نَهَىٰ عَنْ شَيْئٍ كَانَ أَمْرًا بِضِدِّهِ وَإِذَا أَتَىٰ عَلَىٰ نَفْسِهِ أَوْ عَلَىٰ أَوْلِيَاءِ وَأَصْفِيَائِهِ بِنَفْيِ شَيْئٍ مِّنَ النَّقَاصِ. كَانَ ذَلِكَ إِثْبَاتًا لِلْكَمَالِ.

Bila Allah memerintah sesuatu, Allah tidak pula akan melarangnya. Bila Allah melarangnya tidak pula Allah menyuruhnya lagi. Jika Allah memuji dan

membersihkan diri-Nya, wali-wali-Nya atau hamba-hamba pilihan-Nya menunjukan berlakunya kesempurnaan. (Al-Āmidiyy 1967 vol 2 ms 159) Kepatuhan kepada sesuatu perintah tidak akan berlaku secara sempurna melainkan seseorang itu meninggalkan perkara yang bertentangan dengan suruhan tersebut, umpamanya apabila Allah menyuruh supaya bertauhid, solat, zakat, puasa Ramadan, haji, berbuat baik kepada ibu bapa, menghubungkan silaturrahim, bersikap adil dan ihsan maka secara serentak Allah melarang daripada menyengutukan-Nya, meninggalkan solat, tidak berzakat, meninggalkan puasa Ramadan, tidak menunaikan fardu haji, menderhaka kepada kedua ibu bapa, memutuskan hubungan silaturrahim, zalim dan jahat. Dalam larangan-Nya supaya tidak menyengutui-Nya, sembahyang dan sebagainya, Allah juga menyuruh supaya mentauhidkan-Nya dan lain-lain.

Pada perkara yang lain pula, apabila Allah menyuruh hamba-Nya bersabar, bersyukur, kembali bertaubat kepada-Nya, mencintai-Nya, takut dan harap kepada-Nya maka Allah juga menengah hambanya daripada berputusasa, marah, mengkufuri nikmat-Nya dan hati lalai.

#### **2.4.33 Kaedah ketiga puluh tiga**

الْمَرَضُ فِي الْقُرْآنِ - مَرَضُ الْقُلُوبِ - نَوْعَانِ : مَرَضُ شُبُهَاتٍ وَشُكُوكٍ  
 مَرَضُ شَهْوَاتٍ وَفُسُوقٍ

Sakit di dalam al-Qur'an - Sakit jiwa - Terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sakit Kesamaran dan keraguan
2. sakit syahwat dan kefasikan.

( Al-Gahazāliyy 1956 vol 8 ms 1451)

Contoh untuk jenis pertama firman Allah s.w.t.:

*فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ... الْآيَةُ (آية 10 البقرة)*

Maksudnya: Dalam hati mereka penyakit.....

Apa yang dimaksudkan dengan penyakit dalam ayat tersebut ialah taqlid (pak turut), keraguan, kesamaran yang bertentangan dengan pengajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w..

Contoh untuk penyakit yang kedua ialah firman Allah s.w.t. :

*فَلَا تَخْضُنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْلَعُ النَّاسُ فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ... الْآيَةُ (آية 32 الأحزاب)*

Maksudnya: Jangan kamu berkata lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu).

Hati yang sihat ialah hati yang mengenali tuhannya dan mengikut kebenaran. Mereka mengenali kebatilan dan berusaha menjauhinya. Apa yang didakwa sebagai ilmu, sebenarnya adalah satu kesangsian yang penuh dengan prasangka yang bertentangan dengan apa yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. dalam hal perkara asas agama dan cabang-cabangnya. Oleh itu para pentafsir tidak boleh keliru dengan perkataan tersebut dan mestilah mengetahui perbezaannya.

#### 2.4.34 Kaedah ketiga puluh empat.

*دَلِيلُ الْقُرْآنِ فِي عَدَدِ آيَاتٍ أَنَّ مَنْ تَرَكَ مَا يَنْفَعُهُ مَعَ الْإِمْكَانِ أَبْتَلَى بِالْأَشْتِغَالِ بِمَا يَضْرُهُ، وَهُوَ الْأَمْرُ الْأَوَّلُ.*

Banyak ayat al-Qur'an menunjukkan bahawa sesiapa yang meninggalkan perkara yang memberi manfaat kepada dirinya sedangkan dia mempunyai keupayaan berbuat demikian maka ia akan diuji dengan kesibukan yang boleh

memudaratkannya dan dihilangkan segala manfaat yang ada padanya sebelum itu. ( Al-Suyūtīyy 1959 ms 536)

Antara ayat-ayat al-Qurān yang mengisahkan perkara tersebut diatas ialah mengenai kisah orang-orang musyrikin Makkah iaitu setelah mereka meninggalkan penyembahan kepada Allah, maka Allah telah menguji mereka dengan penyembahan berhala. Setelah mereka melarang orang-orang mukmin memasuki masjid al-Harām maka Allah membalakan mereka dengan ketakutan untuk masuk ke masjid al-Harām setelah Islam berkuasa dan membuka Makkah.

#### 2.4.35 Kaedah ketiga puluh lima.

فِي الْقُرْآنِ عِدَّةٌ آيَاتٍ فِيهَا الْحِثُّ عَلَى أَعْلَى الْمَصْلَحَتَيْنِ وَتَقْدِيمٍ أَهْوَنِ  
الْمَفْسَدَتَيْنِ، وَمَنْعِ مَا كَاتَتْ مَفْسَدَتَهُ أَرْجَحُ مِنْ مَصْلَحَتِهِ

Dalam al-Qurān banyak ayat yang menggalakkan supaya memilih kebaikan yang lebih utama di antara dua kebaikan, dan mendahulukan kerosakan yang lebih ringan daripada dua kemusnahan. Ditegah sama sekali mana-mana perkara yang kemusnahannya lebih berat daripada kebaikannya. (Al-Buṭīyy 1977 ms75 Ibn Taimiyat 1980ms 20:48,49)

Dalam al-Qurān terdapat banyak ayat yang memperjelaskan kaedah ini supaya diikuti oleh manusia dalam berbagai hal, antaranya :

Pertama: Mengutamakan berbagai-bagai amalan dengan mendahulukan yang lebih tinggi, contohnya dalam firman Allah s.w.t.:

لَا يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَاتَلَ (آلية 10 الحيد)

Tidak akan sama di kalangan kamu antara orang yang berbelanja ke jalan Allah dengan orang yang berbelanja sebelum pembukaan Makkah dan berperang.

وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ (آلية 191 البقرة)

....fitnah itu lebih besar daripada pembunuhan....

Dalam dua ayat yang tersebut jelas kepada kita bahawa Allah sentiasa menyeru manusia supaya melakukan perkara yang lebih baik dari pada perkara-perkara yang baik dan jika terpaksa berhadapan dengan dua jenis kerosakan dengan mendahulukan yang paling ringan kerosakannya. Dengan kaedah ini pentafsir hendaklah memahami benar-benar sesuatu huraian dan tafsiran yang dibuat supaya tidak menimbulkan kefahaman yang kucar-kacir dikalangan masyarakat.

#### **2.4.36 Kaedah ketiga puluh enam.**

طِرِيقَةُ الْقُرْآنِ: إِبَاحةُ الْأِقْتِصَاصِ مِنَ الْمُعْتَدِي وَمُقَابَلَةُ دُعَوَاتِهِ بِمُثَلِّهِ،  
وَنَهْيُ عَنْ ظُلْمِهِ، وَالنَّدْبُ إِلَى الْغَفْوَ عَنْهُ وَالْإِحْسَانِ.

Cara al-Qur'an ialah mengharuskan memberi balasan terhadap orang yang bermusuhan, dan pembalasannya setimpal dengan perbuatannya, dan melarang daripada menzaliminya, dan lebih menggalakkan supaya memberi keampunan serta berlaku ihsan . (Ibn al-'Arabiyy 1959 vol1ms 61)

Ini ketara dalam ayat-ayat mengenai Qiṣāṣ, pencerobohan Masjid al-Harām, mengenai peperangan dan tanah haram. Antara ayat-ayat al-Qur'an yang jelas menunjukkan perkara tersebut firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ عَاقِبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْمَاً عَوْقِبْتُمْ بِهِ وَلَنْ صَرَّتْ لَهُ خَيْرُ الصَّابِرِينَ (آلية 126 النحل)

Maksudnya: Dan jika kamu membalaas kejahatan mereka, maka hendaklah kamu membalaas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan ke atas kamu, dan jika kamu bersabar maka sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar.

*وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ مِثْلًا فَمَنْ عَفَ وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُ الظَّالِمِينَ (آية 40 الشورى)*

Maksudnya: Dan (jika kamu hendak membalaas maka ) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya, dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya) maka pahala tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya) Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim.

*وَمَنْ قُتِلَ مُظْلومًا فَقَدْ جَعَلَنَا لَوْلَاهُ سُلْطَانًا فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مُنْصُورًا (آية 22 الاسراء)*

Maksudnya: Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, sesungguhnya kami telah jadikan warisnya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu janganlah ia melampau-lampau dalam menuntut balas bunuh itu sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan(menurut hukum syarak)

*لَا يُحِبُ اللَّهُ الْجَهْرُ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مِنْ ظُلْمٍ (آية 148 النساء)*

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan yang buruk yang dikatakan terus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang) kecuali orang-orang yang dianiyai.

Ayat-ayat di atas jelaslah kepada kita bahawa terdapat kaedah dalam membuat tafsiran yang bersangkutan dengan hak seseorang. Para mufassir perlu membuat tafsiran yang tegas terhadap orang-orang yang dibenarkan oleh Allah untuk dibuat pendedahan atau penghukuman.

### 3.4.37 Kaedah ketiga puluh tujuh.

**إِعْتَدِ اللَّهُ الْقَصْدُ وَالْإِرَادَةُ فِي تَرتِيبِ الْأَحْكَامِ عَلَى أَعْمَالِ الْعِبَادِ**

Allah mengira niat dan kehendak dalam menyusun hukum-hakam untuk segala amalan hambanya. (Al-Syātibiy 1341H vol2ms3)

Kaedah ini adalah penting, sebagaimana yang telah diperjelaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w., "Sesungguhnya segala amalan itu ditentukan oleh niat". Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa banyak ayat al-Qur'an yang memperkatakan tentang fungsi niat, bahawa Allah s.w.t. telah menentukan keberhasilan pahala yang besar setiap amalan tertentu dengan adanya kehendak kerana Allah. Firman Allah s.w.t. mengenai sedekah, perkara makruf dan perdamaian antara dua orang yang bergaduh:

وَمَنْ يَفْعَلْ ثُلَكَ لِتِغَاءَ مَرْضَاةِ اللَّهِ فَسُوفَ تُؤْتَيْهِ أَجْرًا عَظِيمًا (آلية 144 النساء)

Maksudnya:....dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah maka akan Allah berikan mereka pahala yang besar..

وَمِثْلُ الدِّينِ إِذْ وُعُودُونَ أَمْوَالَهُمْ لِتِغَاءَ مَرْضَاةِ اللَّهِ...آلية (آلية 265 البقرة)

كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِتَاءَ النَّاسِ...آلية (آلية 264 البقرة)

Maksudnya: Diumpamakan orang yang berbelanja ke jalan Allah dengan tujuan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah.....

Berlainan sekali dengan orang-orang yang berbelanja.....

Maksudnya: ...seperti orang yang membelanjakan harta mereka dengan keadaan riak menunjuk-nunjuk ...

Di samping Allah menyifatkan rasul, sahabat dan para tabiin, Allah juga menyifatkan mereka bahawa mereka adalah orang-orang yang menuntut keredaan Allah.

Pada hukum talak raji' pula Allah telah berfirman:

وَبِعَوْنَاهُنَّ أَحَقُّ بِرِدْهَنٍ فِي ذَلِكَ إِنَّ أَرَادُوا إِصْلَاحًا (آلـبقرة 228)

Maksudnya: Dan suami-suami mereka yang rujuk kembali isteri-isteri mereka dalam masa idah, jika mereka bertujuan hendak berdamai...

Niat dan tujuan dalam ayat-ayat diatas di atas disertakan sekali oleh Allah. Ini menunjukan bahawa sesuatu amalan yang akan dikerjakan seseorang diambil kira niat dan tujuan. Dalam membuat tafsiran ayat-ayat al-Qur'an maka kaedah adalah sangat penting. Pentafsir akan menjadi orang yang lebih berhati-hati dalam membuat sesuatu tafsiran supaya tepat maksudnya dan tidak menimbulkan fitnah.

#### **2.4.38 Kaedah ketiga puluh lapan.**

قَدْ دَلَّتْ آيَاتٌ كَثِيرَةٌ عَلَى جَبْرِ الْمُنْكَسِرِ قَلْبَهُ وَمَنْ تَشَوَّفَ نَفْسَهُ لِأَمْرٍ مِّنَ الْأَمْرَ  
إِيجَابًاً أَوْ اسْتِحْبَابًاً.

Sesungguhnya banyak ayat yang mendamaikan orang yang berkecamuk hati mereka dan orang-orang yang diheningkan mata mereka dengan sesuatu sama ada perkara-perkara yang positif atau perkara-perkara yang disukai. ( Al-Suyūtiyy 1959 ms 80)

Ini adalah kaedah yang menarik kerana ianya telah mendapat pengiktirafan Allah yang telah mengarahkan hamba-hambanya supaya mengambil jalan yang telah ditunjukkan olehnya. Antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah:

لَا جُنَاحٌ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَالَمْ تَمْسُوهُنَّ لَوْ تَنْفِرُوا لَهُنَّ فِرِضَةٌ وَمُنْتَهَىٰ عَلَى الْمُؤْسِعِ قَدْرُهُ  
مَنَاعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُحْسِنِينَ (آية 236 البقرة)

Maksudnya: Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka. Walau pun demikian, hendaklah kamu memberi mut'ah (pemberian sagu hati) kepada mereka (yang diceraikan) iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) mengikut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian (saguhati) menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan ke atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan.

Perempuan yang telah diceraikan suami pada biasanya berada dalam gundah-gulana setelah diceraikan oleh suaminya. Oleh itu Allah menyuruh si suami memberi saguhati mengikut kemampuannya secara makruf.

Perempuan yang kematian suaminya sudah tentu akan menjadi gundah-gulana. Oleh itu Allah telah memerintahkan si isteri supaya berkabung dalam rumah keluarga suaminya selama setahun cukup sebagai wasiat dan kurniaan Allah kepada mereka dengan apa yang mereka suka.

#### **2.4.39 Kaedah ketiga puluh sembilan**

فِي طَرِيقَةِ الْقُرْآنِ فِي أَحْوَالِ السِّيَاسَةِ الدَّاخِلِيَّةِ وَالْخَارِجِيَّةِ أَعْلَى طَرِيقَةٍ وَأَقْرَبَ  
إِلَى حُصُولِ جَمِيعِ الْمَصَالِحِ الْكُلِّيَّةِ وَإِلَى دَفْعِ الْمَفَاسِدِ.

Cara al-Qur'an dalam menangani isu siasah luaran dan dalaman adalah sebaik-baik cara dan lebih membawa kepada pencapaian kebaikan menyeluruh, dan menolak kerosakan. (Sa'īd Hawwā' 1977 vol 3 ms3)

Dalam al-Qur'an Allah s.w.t. telah mengarahkan orang-orang yang beriman supaya bermesyuarat setiap urusan mereka. Allah juga telah mengarahkan orang-orang yang beriman supaya bersiap sedia selalu dengan segala kekuatan, khususnya kekuatan ketenteraan dengan menyediakan kelengkapan yang tercanggih sekali supaya dapat mengalahkan musuh atau menakutkan mereka.

Mana-mana masyarakat yang bertamadun tetap bersetuju bahawa mesyuarat adalah satu-satunya cara yang boleh membawa kepada kebaikan dunia dan akhirat. Para mufassir perlu mengkaji kebaikan sesuatu arahan atau sesuatu larangan Allah yang khususnya mengenai siasah luar dan dalam, umpamanya mereka hendaklah memahami antara dua ayat:

وَإِنْ جَنُوحُ الْمُسْلِمِ فَاجْرِحْ لَهَا... الْآيَةُ ٦١٢ (آلُ الأنْفَال)

Maksudnya: Dan jika mereka (orang kafir harbi) memohon untuk perdamaian maka hendaklah kamu menerimanya.

فَلَا تَهِنُوا وَتَدْعُوا إِلَى السَّلْمِ وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنُ... الْآيَةُ ٣٥ (صَلَوةُ مُحَمَّد)

Maksudnya: Dan janganlah kamu merasa hina dan meminta perdamaian (daripada orang-orang kafir) sedangkan kamu adalah mulia.

Tafsiran-tafsiran timbul mengikut pro dan kontra, sebagai contohnya dalam isu perjanjian Camp David yang termeterai antara Mesir dan Israel pada tahun lapan puluhan. Ulama-ulama al-Azhar yang pro kerajaan memakai ayat pertama dan ulama-ulama gerakan Islam memakai ayat yang kedua. Oleh itu kaedah ini amatlah perlu difahami dan dihayati dalam membuat sebarang tafsiran.

#### 2.4.40 Kaedah keempat puluh.

فِي دَلَالَةِ الْقُرْآنِ عَلَى أَصْوَلِ الطَّبِّ. أَصْوَلُ الطِّبِّ ثَلَاثَةٌ: حِفْظُ الصِّحَّةِ  
 بِسْتِعْمَلِ الْأُمُورِ النَّافِعَةِ وَالْحَمِيمَةِ عَنِ الْأُمُورِ الضَّارَّةِ وَنَفْعُ مَا يَعْرِضُ لِلْبَنَنَ مِنِ  
 الْمَوْذِنَاتِ.

Al-Qur'an menunjukkan asas-asas perubatan. Asas perubatan terbahagi kepada tiga: Menjaga kesihatan dengan menggunakan benda-benda yang menafaat, pencegahan awal daripada perkara yang memudaratkan dan menjauhi tubuh badan daripada terdedah kepada benda-benda yang membawa penyakit.

Masalah-masalah perubatan keseluruhannya terhenti di atas kaedah ini.

Al-Qur'an telah memberi peringatan supaya menjaga kesihatan dan menjauhkan kemudaratian sebagaimana firman Allah .s.w.t.:

كُلُوا وَشَرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ... الآية(آلية 31 الأعراف)

**Maksudnya :** Makanlah kamu dan minumlah kamu dan jangan berlebihan.

Perintah Allah supaya manusia makan dan minum kerana perkara tersebut menyebabkan kesetabilan badan. Makan makanan yang sesuai akan memberi kebaikan kepada manusia, sebaliknya jika permakanan tidak mengikut peraturan dan melampaui batas ia akan membawa kepada kemudaratian dan penyakit.

Para mufassir wajar melihat bahawa setiap syariat Islam mengandungi kebaikan untuk hati, roh, akhlak, badan, harta, dunia dan akhirat. Islam sangat mementingkan kesejahteraan semuanya itu termasuklah tubuh badan manusia. Oleh itu sebarang tafsiran yang boleh membawa kepada kemudaratian diri adalah menyimpang daripada kaedah Islam dan kaedah pentafsiran yang sebenarnya.

#### 2.4.41 Kaedah keempat puluh satu.

يُرِشدُ اللَّهُ عِبَادُهُ فِي كِتَابِهِ مِنْ جِهَةِ الْعَمَلِ إِلَى قَصْرِ نَظَرِهِمْ عَلَى الْحَالَةِ  
الْحَاضِرَةِ الَّتِي هُمْ فِيهَا، وَمِنْ جِهَةِ التَّرْغِيبِ فِي الْأَمْرِ وَالتَّرْهِيبِ مَنْ ضِدَهُ  
إِلَى مَا يَتَرَبَّ عَلَيْهِ مِنَ الْمُصَالِحِ. وَمِنْ جِهَةِ النِّعَمِ وَتَقْدِيرِهَا بِالنَّظَرِ إِلَى  
ضِدِهَا.

Allah telah memberi pertunjuk kepada hambanya di dalam al-Kitab (al-Quran) ke arah melakukan amal dengan memberi penumpuan kepada perkara-perkara yang realiti yang ada dalam kehidupan mereka, dan dari segi galakan sesuatu perkara dan menakutkan orang yang menentangnya yang mana semua itu membawa kepada kebaikan kepada mereka. Begitu juga dari segi kenikmatan dan kadarnya dengan melihat kepada yang sebaliknya. (Al-Syāfi'iyy 1979 ms 94)

Kaedah ini sangat mulia. Oleh itu banyak sekali ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan kebijaksanaan Allah s.w.t. yang boleh membawa seseorang mukmin kearah ketinggian dunia dan akhirat. Seseorang yang kuat beramal apabila mereka mengamalkan ilmu yang ada pada mereka dengan menjadikannya sebagai tugas hariannya di samping ketegangan pemikirannya, zahirnya dan batinnya yang menghadapi cabaran maka mereka akan berjaya akhirnya, firman Allah s.w.t.:

لَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفَّارٌ وَلَدُودٌ وَلَمْ يَأْتُوكُمْ وَلَمْ يَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَمْ يَنْكَحُوا، فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَخْشَوْنَ النَّاسَ  
كَخْشِيَةً اللَّهُ أَوْ أَشْدَدُ خُشْبَةً (آية 77 النساء)

Maksudnya:Tidakkah kamu melihat wahai Rasulullah kepada orang-orang yang apabila dikatakan kepada mereka , "memadailah kamu dari membuat angkara,

dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat!", maka sebaliknya apabila difardukan berperang ada dikalangan mereka yang lebih takut kepada manusia daripada takut kepada Allah bahkan lebih takutkan manusia lagi!.

#### **2.4.42 Kaedah keempat puluh dua.**

**قَدْ مَيَّزَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ بَيْنَ حَقِّ الْخَاصِ، وَحَقِّ رَسُولِهِ الْخَاصِ، وَالْحَقِّ الْمُشْتَرِكِ**

Sesungguhnya Allah telah menjelaskan dalam kitab-Nya tentang hak-Nya yang khusus, hak rasulnya yang khusus dan hak yang dikongsi bersama .(Al-Syāfi'iyy 1979 ms 73)

Apa yang perlu difahami bahawa hak boleh dibahagikan kepada tiga bahagian: Hak untuk Allah semata-mata yang tidak ada perkongsian dengan sesiapa iaitu hak untuk diabdikan diri semata-mata kepadanya dan tidak ada sekutu baginya dalam semua bentuk ibadat. Sementara hak-hak yang khusus bagi rasulnya ialah, memuliakan rasul, merendah diri , melaksanakan segala haknya yang layak dengan tarafnya sebagai penghulu bagi segala rasul dan mengikut sunnahnya. Hak-hak yang dikongsi bersama ialah seperti beriman dengan Allah dan rasulnya, ketaatan kepada Allah dan rasulnya, mengasihi Allah dan rasul-Nya.

Adalah menjadi kewajipan para mufassir supaya tidak melanggari batas-batas tersebut dalam membuat tafsiran. Manakah ayat-ayat yang menentukan hak-hak khusus untuk Nabi s.a.w. dan manakah pula hak-hak yang dikongsi bersama. Bukanlah bermaksud apa yang ada pada Allah itu, ada pada rasul-Nya tetapi apa yang dimaksudkannya ialah dari segi kecintaan, keimanan dan ketaatan. Cuma kepada Allah ditambah dengan pengabdian diri dan mengagungkan-Nya.

#### 2.4.43 Kaedah keempat puluh tiga.

يَأْمُرُ اللَّهُ بِالثَّبِيتِ وَعَنِ الْعَجْلَةِ فِي الْأُمُورِ الَّتِي يُخْشَى مِنْ سُوءِ عَوَاقِبِهِ  
وَيَأْمُرُ وَيَحْذِهِ عَلَى الْمُبَارَدَةِ عَلَى أُمُورِ الْخَيْرِ الَّتِي يُخْشَى فَوَاتُهَا.

Allah memerintahkan supaya mempastikan sesuatu dan jangan tergesa-gesa dalam sesuatu perkara yang ditakuti buruk padahnya, sebaliknya Allah memerintahkan supaya bersegera melaksanakan kebaikan yang ditakuti luput masanya. (Al-Suyutiyy 1959 ms 152)

Kaedah ini banyak terdapat dalam al-Quran, antaranya firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا ضَرَبْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَتَبِعُوهُ... الْآيَةُ (النَّسَاءُ 94)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu pergi berperang di jalan Allah hendaklah kamu menyelidik.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ فَاسِقٌ بِنَيِّ فَتَبِعُوهُ لَنْ تُصْبِيَوْ قَوْمًا بِجَهَالَةِ... الْآيَةُ (الْجَرَاثِيمُ 6)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman apabila datang kepada kamu orang-orang yang fasik membawa berita maka hendaklah kamu menyelidik dahulu supaya kamu tidak akan bertindak tehadap mana-mana kaum secara jahil.

Bahagian yang kedua pula firman Allah s.w.t.:

وَسَارُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رِبْكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ... الْآيَةُ (آلِ عُمَرَانَ 133)

Maksudnya: Dan besegalah kamu untuk mendapat keampunan daripada tuhan kamu dan syurga yang mana luasnya tujuh petala langit dan bumi.

Antara dua kaedah ini para mufassir hendaklah sentiasa berwaspada dalam membuat sebarang tafsiran supaya tidak terjatuh kelembah kegopohan yang

merugikan dan penangguhan yang melupuskan peluang. Ada yang perlu disegarkan dan ada pula perkara yang memerlukan analisis yang mendalam sebelum sesuatu tindakan dilakukan.

#### 2.4.44 Kaedah keempat puluh empat.

**عِنْدَ مَيْلِ النُّفُوسِ أَوْ خُوفِ مَيْلِهَا إِلَى مَا لَا يَنْبَغِي: يُنَكِّرُهَا اللَّهُ مَا يَفُوتُهَا مِنْ اَخْيَرٍ وَمَا يَحْصُلُ لَهَا مِنَ الضرَّ بِهَذَا المَيْلِ.**

Ketika hati takut terdorong kepada perkara yang tidak sepatutnya: Allah memperingatkannya dengan kehilangan kebaikan dan membawa kepada kemudaratan. (al-Suyūtiyy 1959 ms158)

Banyak sekali ayat di dalam al-Qurān yang menunjukkan bahawa kaedah ini membawa kepada istiqamah (konsisten), kerana perintah atau larangan Allah sahaja tidak mendorong kesan kepada kebanyakan manusia tetapi mereka memerlukan kesedaran dan perubahan sikap dengan mengetahui sebab-sebabnya yang kuat. Seperti firman Allah:

**وَاطْمُوا لَنَّمَا لَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةً... الآية (آية 28 الأنفال)**

Maksudnya: Ketahuilah kamu bahawa harta benda kamu dan anak pinak kamu adalah merupakan fitnah kepada kamu.

Di sini Allah memperingatkan bahawa fitnah harta benda dan anak pinak yang menyelubungi kebanyakan manusia dapat memesongkan mereka daripada beristiqamah. Oleh itu Allah menyambung dengan firmannya:

**وَإِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ لَجُورٌ عَظِيمٌ (آية 28 الأنفال)**

Maksudnya: dan sesungguhnya Allah di sisiNya pahala yang sangat besar.

Ini adalah sebagai peringatan kepada mereka jika mereka ditimpa fitnah dengan terdorang kepada dua perkara tersebut, dan apa yang mereka dapat jika mereka terselamat daripadanya. Oleh yang demikian kaedah ini memudahkan pentafsir untuk memilih hakikat yang sebenar bagi sesuatu perkara yang hendak dirumuskan.

#### 2.4.45 Kaedah keempat puluh lima.

*حَثَ الْبَارِيُّ سُبْحَانَهُ فِي كِتَابِهِ عَلَى الصَّالَحِ وَإِذْ صَلَحَ*

Allah pencipta telah menggalakkan di dalam kitabnya supaya berbuat baik dan memperbaikki. ( Al-Butiyy 1977 ms47)

Kaedah ini sangat penting kerana al-Qurān keseluruhannya bertujuan demikian. Al-Šolāh (kebaikan) ialah sesuatu perkara yang berada pada peringkat kestabilan yang mengambil jalan Allah sebagai matlamat. Allah sentiasa menyuruh manusia melakukan amalan yang baik dan memuji orang-orang yang beramal soleh. Amalan-amalan yang baik dapat memperbaiki hati, iman, agama, dunia dan akhirat. Lawannya ialah membawa kerosakan kepada semuanya itu.

Islah pada perkara-perkara fasid ialah usaha-usaha menghapuskan perkara yang membawa ke arah kejahatan dan kemudaratan sejagat dan khusus.

Antara jenis-jenis Islah (memperbaikki) ialah usaha-usaha ke arah memperbaikki hal ehwal-Muslimin mengenai ugama mereka dan kehidupan dunia mereka. Allah merakamkan kata-kata Nabi Syuaib dengan firmanNya:

*إِنْ أُرِيدُ إِلَّا إِلَصَالَحَ مَا لَمْ سُطِعْ (آية 88 هود)*

Maksudnya: Tidakku kehendakki kecuali memperbaiki sekadar mana ku mampu.

Setiap orang yang berusaha ke arah kebaikan dunia dan akhirat adalah dikira sebagai muslih (reformis) dan Allah akan memberi hidayah-Nya, kewarasan dan kekuahan kepadanya. Sebaliknya orang yang berusaha ke arah kerosakan dikira sebagai mufsid (perosak).

Kaedah ini sangat perlu bagi seseorang mufassir supaya beliau tidak menjadi seperti tikus membaikki labu atau menjadi virus atau makhluk perosak alam ini.

#### 2.4.46 Kaedah keempat puluh enam.

مَا أَمْرَ اللَّهُ بِهِ فِي كِتَابِهِ إِمَّا أَنْ يُوجِّهَ إِلَى مَنْ لَمْ يَنْخُلْ فِيهِ فَهَذَا أَمْرٌ يَالْدُخُولِ فِيهِ  
وَإِمَّا أَنْ يُوجِّهَ لِمَنْ نَخَلَ فِيهِ فَهَذَا أَمْرٌ بِهِ لِيُصْبِحَ مَا وَجَدَ عِنْدَهُ مِنْهُ وَيُسْمِي  
تَكْمِيلًا مَا لَمْ يُوجَدْ فِيهِ.

Apa yang diperintahkan Allah dalam kitabnya sama ada ditunjukan kepada orang yang tidak termasuk di dalamnya dan ini merupakan perintah supaya memasukinya, atau pun ditunjukan kepada orang yang sudah termasuk di dalamnya dan ini merupakan perintah supaya memperbetulkan apa yang ada padanya dan dinamakan sebagai penyempurna apa yang tidak terdapat di dalamnya. ( Al-Badakhsdyiyy 1967 vol 1 ms 158)

Kaedah ini adalah kaedah yang diperlukan pada setiap perintah yang terdapat di dalam al-Quran, baik pada terasnya mahu pun cabang-cabangnya.

Contoh bahagian pertama firman Allah s.w.t.:

بِالَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ أَمْنَوْا بِمَا نَزَّلْنَا (آلية 47 النساء)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang dikurniakan kitab berimanlah kamu dengan apa yang kami turunkan .

Contoh bahagian kedua dan ketiga firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ أَنْتُمْ  
أَعْلَمُ بِأَنْفُسِكُمْ فَإِذَا مَرِأَتِ الْمُنْتَهَىَ  
أَنَّهُمْ لَا يَرَوْنَهُمْ  
أَنَّهُمْ لَا يَرَوْنَهُمْ  
(آية 136 النساء)

Maksudnya: Wahai orang yang beriman berimanlah dengan Allah.

Semua perintah di atas adalah perkara-perkara yang boleh memperbetul dan menyempurnakan iman mereka daripada amalan-amalan zahir dan batin. Kesempurnaan ikhlas adalah sebagai tuntutan kepada mereka. Allah menegah mereka daripada perkara-perkara yang boleh memusnahkan keimanan mereka dan mengurangkannya. Para mufassir hendaklah memahami unjuran dan rentetan sesuatu tajuk di dalam membuat tafsiran.

#### 2.4.47 Kaedah keempat puluh tujuh.

إِذَا كَانَ سَبَقُ الْأَيَّاتِ فِي أُمُورٍ خَاصَّةٍ وَرَأَدَ اللَّهُ أَنْ يَحْكُمَ عَلَيْهَا وَنِلَكَ الْحُكْمُ لَا  
يَخْتَصُّ بِهَا بَلْ يَشْمَلُهَا وَيُشَمَّلُ بِهَا جَاءَ اللَّهُ بِالْحُكْمِ الْعَلِيمِ

Apabila konteks ayat berkaitan dengan perkara-perkara yang khusus dan Allah mahu melaksanakan hukumnya, maka hukum tersebut adalah hukum yang bukan dikhatuskan kepadanya, bahkan ia merangkumnya serta merangkumi yang lainnya juga. Oleh itu Allah datangkan dengan hukum yang umum. ( Al-Syāfi'iyy 1979 ms 56,57)

Kaedah ini menunjukkan kepada pentafsir rahsia-rahsia dan keunikan yang terdapat di dalam al-Qur'an, bukti yang besar menunjukkan bahawa al-Qur'an adalah paling unik dan tersusun rapi serta mengagumkan. Contoh-contohnya begitu banyak sekali, antaranya firman Allah ketika menyebut tentang orang-orang

munafiqin dan mencela mereka, kecuali orang-orang yang bertaubat maka firman Allah s.w.t.:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَلَخَصُّوا بِنَفْسِهِمْ لِهِ فَأُولَئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ (آية 146 النساء)

Maksudnya: ...kecuali orang-orang yang bertaubat, memperbaiki diri, berpegang teguh dengan Allah dan mengikhlaskan ugama mereka hanya untuk Allah maka mereka akan bersama dengan orang-orang yang beriman.

Apabila Allah hendak menghukum mereka dengan balasan maka Allah tidak menyebut bahawa sesungguhnya mereka akan diberi balasan yang besar وَسُوفَ يُؤْتَيْهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا tetapi Allah menyebut dalam bentuk umum dengan firmanNya: وَسُوفَ يُؤْتَى اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا (dan Allah akan memberikan kepada orang-orang mukmin pahala yang besar). Ini adalah sebagai galakan kepada orang yang segera bertaubat dan ikhlas demi untuk merangkumkan mereka dan juga orang lain yang beriman supaya hukum tersebut tidaklah disangka hanya tertentu kepada mereka sahaja.

#### 2.4.48 Kaedah keempat puluh lapan.

مَتَى عَطَّقَ اللَّهُ عِلْمَهُ بِالْأُمُورِ بَعْدَ وُجُودِهَا كَانَ الْمَرَادُ بِذَلِكَ الْعِلْمِ الَّذِي يَرْتَبِّعُ عَلَيْهِ  
الْجَزَاءُ

Apabila Allah mengaitkan ilmunya dengan perkara-perkara yang wujud selepasnya, maka ia membawa maksud pengetahuan yang diikuti dengan balasan. (Al-Syātibiy 1341H vol1 ms 56)

Dalam al-Qurān, Hadis Nabi s.a.w. dan ijma' ulamak mengelaskan bahawa Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Pengetahuan Allah meliputi bagi

setiap perkara yang berada di atas, di bawah, zahir, batin, terang, sulit, yang lepas dan akan datang. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang telah dilakukan oleh hamba-hamba-Nya dan apa yang akan mereka lakukan. Natijahnya, ilmu Allah itulah yang melahirkan balasan.

Hamba-hamba Allah tidak dikira beramal selagimana mereka tidak melakukannya. Itu adalah ilmu yang tidak diikuti dengan amalan, kerana pahala hanya akan diberi bilamana amalan seseorang itu dilakukan. Antara ayat-ayat yang dapat menjelaskan kaedah ini seperti:

*يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِلَيْكُمْ اللَّهُ يُشَرِّعُ مِنَ الصِّدْقِ مَا تَرَكْتُمْ وَرَبُّكُمْ لِيَعْلَمُ اللَّهُ مَنْ يَخْافُهُ بِالْغَيْبِ (93 الماندة)*

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman kamu akan diuji oleh Allah dengan sesuatu daripada binatang buruan dengan tangan kamu atau lembing kamu untuk Allah mengetahui siapakah yang masih takut kepada Allah dalam keadaan bersendirian.

*وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مَمْنُونَ يَنْتَهِ عَلَىٰ عَيْبِهِ (آية 143 البقرة)*

Maksudnya: Dan tidaklah kami jadikan kiblat yang kamu(Rasulullah) mengadap sekarang ini melainkan bertujuan untuk kami mengetahui siapakah yang masih patuh kepada Rasul daripada orang yang menarik diri.

*وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُولُهُ بِالْغَيْبِ (آية 25 الحديد)*

Maksudnya: Dan kami telah menurunkan besi yang mempunyai kegunaan yang penting dan bermanfaat kepada manusia dan untuk Allah mengetahui siapakah membantu-Nya dan Rasul-Nya dengan perkara ghaib.

#### 2.4.49 Kaedah keempat puluh sembilan.

إِذَا مَنَعَ اللَّهُ عِبَادَهُ الْمُؤْمِنِينَ شَيْئًا تَتَعَلَّقُ بِهِ إِرَادَتُهُمْ، فَتَحَّ لَهُمْ بَابًا أَنْفَعَ لَهُمْ  
مِنْهُ، وَأَسْهَلَ وَأَوْلَى

Apabila Allah menengah sesuatu perkara kepada hambanya yang bersangkut paut dengan kehendak mereka, maka Allah akan buka kepada mereka pintu lain yang lebih bermanfaat, mudah dan utama. ( Al-Syātibiyy 1341H vol 2 ms 2)

Ini adalah merupakan lemah lembut Allah kepada manusia. Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَنْمُوا مَا فَضَلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ. لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مَا اكتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مَا اكتَسَبْنَ. وَاسْأَلُ اللَّهَ مِنْ  
فَضْلِهِ (آلية 32 النساء)

Maksudnya: Dan janganlah kamu berharap-harap akan limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian kamu untuk menjadikan mereka melebihi sebahagian yang lain (tentang ilmu pengetahuan,harta benda dan darjah kebesaran) kerana telah tetap orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan pohonlah daripada Allah limpah kurnianya.

Allah melarang mereka daripada berangan-angan dengan perkara yang tidak memberi sebarang manfaat. Oleh itu Allah telah membukakan kepada mereka pintu-pintu kelebihan dan kebaikan. Allah telah menyuruh mereka memohon doa kepada-Nya dan juga berusaha.

#### 2.4.50 Kaedah kelima puluh.

آيَاتُ الرَّسُولِ هِيَ الَّتِي يُبَدِّيهَا الْبَارِي وَيَبْتَدِيهَا وَأَمَّا مَا أَبْدَاهُ الْمُكَنْبُونَ لَهُ  
وَاقْتَرَحُوهُ فَلَيُسْتَ آيَاتٌ وَإِنَّمَا هِيَ تَعْنِتَاتٌ وَتَعْجِيزَاتٌ

Bukti-bukti kerasulan Rasul ialah yang diutarakan oleh Allah dan apa yang diperlihatkannya. Bukti-bukti yang diutarakan oleh para pendusta bukanlah bukti, tetapi itu adalah bantahan dan kelemahan.(Al-Bāqillāniyy 1977ms 9)

Oleh itu dapatlah kita bezakan antara “ĀYAT” (bukti) dan bukan “ĀYAT”. Semuanya itu sebagai petanda kebenaran Rasulullah s.a.w. dan rasul-rasul lain. Petanda kebenaran tentang apa yang disampaikan olehnya daripada Allah. Semua bukti itu hendaklah difahami secara betul apa yang dikehendaki dan menyakininya. Bukti-bukti tersebut adalah apa yang dikurniakan kepada para rasul dengan segala mukjizat dan bukannya apa yang dicabar oleh musuhnya. Tidaklah semua perkara yang dituntut oleh manusia yang sangat kufur dengan Allah itu dilayan oleh Allah kerana semuanya itu terkandung dalam hikmat dan kebijaksanaannya.

Dalam kaedah ini para mufassir akan dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Apa yang datang daripada Allah itu adalah kebenaran dan apa yang diperhujahkan oleh manusia terhadap Al-Qurān itu tetap merupakan kebatilan walau setinggi mana ilmu mereka. Orang-orang yang berbuat demikian pada kebiasaannya tidaklah bertujuan baik atau mereka berada dalam kepura-puraan. Kalau diterima pakai pendapat dan hujah mereka dan dibawa semula untuk diamalkan mereka tidak akan menerimanya. Allah menjelaskan sikap manusia seperti ini:

لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوْعًا (آلية 90 الاسراء)

Maksudnya: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kamu memacutkan kepada kami satu mata air.

وَلَوْ أَنَّا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةَ وَكَلَّمْهُمُ الْمَوْتَىٰ وَحَشَّرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ قَبْلًا...آلية (آلية 111 الأنعام)

Maksudnya: Kalauolah Kami turunkan kepada mereka malaikat, kami perdengarkan percakapan orang mati dan kami himpukkan kepada mereka secara berdepan.....

Orang-orang yang seumpama ini sentiasa mencari ruang untuk menafikan Islam dan kadang-kadang menggunakan ayat-ayat al-Qurān dan hadis Nabi s.a.w. Mereka ini sama tergolong daripada ahl al-Kitab atau orientalis barat dan kadang-kadang daripada orang Islam sendiri. Bagi pentafsir hendaklah berpegang teguh dengan kaedah ini dan yakin bahawa al-Qurān adalah hak dan benar.

#### 2.4.51 Kaedah kelima puluh satu.

كُلُّ مَا وَرَدَ فِي الْقُرْآنِ مِنْ أَمْرٍ بِالدُّعَاءِ، وَالنَّهِيِّ عَنْ دُعَاءِ غَيْرِ اللَّهِ  
وَالشَّائِعِ عَلَى الدَّاعِينَ: يَتَنَاهُ دُعَاءُ الْمَسَالَةِ وَدُعَاءُ الْعِبَادَةِ

Setiap apa yang tersebut dalam al-Quran mengenai perintah berdoa, tegahan berdoa selain daripada Allah dan pujian terhadap orang-orang yang berdoa itu merangkumi dua bentuk doa, iaitu doa permintaan dan doa ibadat. ( Badi'al-Zaman al- Nursiyy 1983ms 114)

Kaedah ini adalah bemanfaat. Kebanyakan orang apabila disebut doa lantas mereka memahami bahawa perkataan دُعَاءٌ dan دُعَوةٌ hanya doa untuk permintaan sahaja, sedangkan doa itu merangkumi semua bentuk ibadat dan usaha ikhtiar. Kesalahan pentafsiran ini adalah sangat buruk. Sedangkan di dalam al-Qurān jelas dan terang Allah merangkumkan doa' permintaan itu dengan ibadah. Firman Allah s.w.t.:

وَقَالَ رَبُّكُمْ إِذْ عَوَنَى لَسْتَ جِبْ لَكُمْ... الْآيَةُ (آلِيَةٌ 60) غافر

Maksudnya: Dan Tuhan kamu berfirman:"berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenangkan doa permohonan kamu..."

Maksudnya Aku akan perkenangkan doa kamu dan aku terima amalan kamu. Selepas itu Allah menyanmbung dengan firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يُسْكِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَخْلُونَ جَهَنَّمَ دَلِيلُهُنَّ (آلية 60 غافر) ...

Maksudnya: sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadah kepadaKu akan masuk ke dalam neraka dalam keadaan hina.

Jelas di atas Allah menamakan doa itu sebagai ibadah. Pemohon doa memohonnya dengan bahasa lidah dan hamba pula memohon kabul dan pahala daripada Tuhannya.

#### **2.4.52 Kaedah kelima puluh dua.**

إِذَا وَضَعَ الْحَقُّ وَبَيَّنَ لَمْ يَبْقَ لِلْمُعَارَضَةِ الْعِلْمِيَّةِ وَلَا الْعَمَلِيَّةِ مَحَلٌ

Apabila terserlah kebenaran tidak ada lagi tempat untuk penentangan ilmiah atau penyelidikan. (Al-Āmidiyy 1967 vol 2 ms15)

Kaedah ini adalah bertepatan dengan kehendak syarak, akal dan juga fitrah. Banyak pengajaran yang terdapat di dalam al-Qurān boleh dijadikan panduan. Pada umumnya tempat-tempat yang banyak pertentangan membawa kepada kekeliruan, dan bekehendakan tawaqquf (berdiam diri daripada membuat apa-apa analisis) dan perlukan masa untuk perbincangan. Apabila ada di sana sesuatu kesamaran atau andaian maka hendaklah dirujuk kepada kaedah tersebut. Untuk mendapat penjelasan dan huraihan. Perkara-perkara yang tidak mengandungi

sebarang kesamaran atau yang memiliki satu makna sahaja maka jelaslah kehendaknya. Oleh itu, perdebatan tidak diperlukan lagi. Firman Allah s.w.t:

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ. قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ... الْآيَةُ 256 (الْبَقْرَةُ)

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam beragama. Sesungguhnya telah jelas antara kewarasan dan kesesatan.

Maksudnya, apabila sudah jelas kebenaran itu maka tidak ada tempat lagi untuk paksaan, kerana paksaan hanya berlaku pada perkara yang mengandungi sesuatu kebaikan yang tersembunyi. Jelas di sini bahawa kebaikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat bergantung kepada kefahaman yang jelas, bukannya kepada paksaan.

Kaedah ini penting kepada mufassir dalam membuat sebarang tafsiran. Mereka hendaklah terlebih dahulu menjelaskan manakah nas yang sarih (jelas) dan manakah pula nas yang memerlukan kepada penelitian dan kajian.

#### **2.4.53 Kaedah kelima puluh tiga.**

مِنْ قَوَاعِدِ الْقُرْآنِ أَنْ يُبَيِّنَ الْأَجْرُ وَالثَّوَابُ عَلَى قَدْرِ الْمَشْفَقَةِ فِي الطَّاعَةِ وَالْعِبَادَةِ،  
وَيُبَيِّنَ مَعَ ذَلِكَ أَنَّ تَسْهِيلَهُ لَطِيقُ الْعِبَادَةِ مِنْ مِنْتَهِهِ وَإِحْسَانِهِ وَأَنَّهَا لَا تَنْقُصُ مِنْ  
**الْأَجْرِ شَيْئًا**

Antara kaedah al-Qur'an, menerangkan pahala dan balasan mengikut kadar kesukaran sesuatu ketaatan dan ibadat. Al-Qur'an juga menerangkan dalam keadaan tersebut bahawa Allah mempermudahkan kepada mereka jalan untuk beribadat dan ini semua adalah kemurahan dan ihsan Allah dan Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala yang dijanjikan. ( Al-Suyutiyy 1959 ms 143)

**فِيمَا يُوْفَى الصَّابِرُونَ لَجُرُهم بِغَيْرِ حَسَابٍ** (آلية 10 الزمر)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hendak membalaas orang yang bersabar dengan pahala yang tidak terhitung banyaknya .

Adalah menjadi tugas para mufassir untuk memotivasiakan muslimin pada arahan-arahan Allah dan menakutkan manusia dengan larangan-larangan Allah. Mereka bukan menjadi penghalang kepada hukum-hukum Allah dengan membuat huraian yang bertentangan al-Quān dan membuat tafsiran yang negatif.

#### 2.4.54 Kaedah kelima puluh empat.

**كَثِيرًا مَا يَنْفِي اللَّهُ الشَّيْءَ وَإِنْ كَانَتْ صُورَتُهُ مَوْجُودَةً لَعَذَمِ وُجُودِ فَاتِنَتِهِ  
وَثَمَرَتِهِ الْمَقْصُودُ مِنْهُ**

Banyak perkara yang dinafikan oleh Allah s.w.t. walaupun bentuknya masih wujud kerana belum wujud faedahnya dan hasilnya yang dikehendaki. (Ibn Taimiyat 1980 vol 29 ms 281)

Allah telah menjadikan manusia, kemudian dikumiakan berbagai kekuatan: pendengaran , pengelihatan dan akal fikiran. Semuanya itu adalah untuk mereka mengenali Tuhan mereka dan bangkit melaksanakan tuntutannya. Itulah tujuan sebenarnya. Menggunakan pemberian itu akan membawa manusia bebas daripada belenggu budaya ikutan. Jika kita meneliti pada kebesaran-kebesaran Allah yang terdapat di alam ini, manusia akan merasakan bahawa tiada yang boleh menandingi ciptaan-Nya. Tanpa kurniaan Allah kepada manusia semuanya itu boleh membawa padah yang buruk. Itulah bukti-bukti Allah terhadap hamba-hamba-Nya nanti yang sememangnya dijadikan demi untuk kebaikan dunia dan

akhirat. Semuanya itu akan menjadi nikmat kepada tuannya yang beramat dan sebaliknya akan menjadi bala bencana jika tidak mempergunakan ke arah yang diredayai oleh Tuhan. Oleh itu, Allah menafikan jarak orang-orang kafir, walaupun nama-nama mereka tersebut dinamakan dengan nama-nama Islam. Firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَيْعُوا مَا نَزَّلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّقْعُ مَا لَفِينَا عَلَيْهِ أَبَاعُنَا. لَوْلَوْ كَانَ أَبُوهُمْ لَا يَعْقُلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ. وَمَنْ  
الَّذِينَ كَفَرُوا هُمُّ الَّذِي يَنْقُضُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صَمْ بِكُمْ عَمَّا فِيهِ لَا يَعْقُلُونَ (آلْبَقْرَةُ ١٧٠)

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka ikutilah oleh kamu sekalian dengan perkara yang telah diturunkan oleh Allah, lantas mereka berkata bahkan kami hendak mengikut apa yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kami. Menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya , patutkah mereka menurutnya sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu apa pun mengenai agama dan tidak pula mendapat pertunjuk.

Kaedah ini memberikan penekanan kepada mufassir apabila mereka berhadapan dengan ayat yang menafikan kewujudan sesuatu yang wujud maka hendaklah mereka mencari rahsia disebalik penegasan tersebut .

#### **2.4.55 Kaedah kelima puluh lima.**

يَكْتُبُ اللَّهُ لِلْعَبْدِ عَمَلُهُ الَّذِي بَشَّرَهُ وَيُكْمِلُ لَهُ مَا شَرَعَ فِيهِ وَعَجَزَ عَنْ تَكْمِيلِهِ فَهُرَا  
عَنْهُ، وَيَكْتُبُ لَهُ أثْرُ عَمَلِهِ.

Allah mencatat segala amalan yang dilakukan oleh hamba-Nya dan menyempurnakan bagi-Nya pahala amalan yang disyariatkan-Nya walaupun ia

tidak kesampaian melakukannya serta mencatatkan bagi kesan-kesan amalan tersebut. (Al-Syafi'iyy 1979 ms19)

Ketiga-tiga perkara tersebut sudah termaktub di dalam Al-Qur'an. Amalan-amalan yang dapat manusia lakukan telah disebut oleh Allah s.w.t.

*بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (آية 105 المائدة)*...

Maksudnya:

....dengan apa yang telah kamu lakukan.

*لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ (آية 286 البقرة)*

....baginya apa yang mereka usahakan dan kesiksaan ke atas apa yang mereka lakukan.

*لِي عَمَلِي وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ (آية 41 يونس)*

...bagiku amalanku dan bagi kamu apa yang kamu usahakan..

Mengenai amalan-amalan yang tidak dapat disempurnakan oleh hambahambanya firman Allah s.w.t. maksudnya:

*وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يَدْرِكُهُ الْهُوتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ (آية 100 المائدة)*

....dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan untuk berhijrah kepada Allah dan rasulnya, kemudian mereka mati(di dalam perjalanan) maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah....

Ayat di atas menunjukkan bahawa orang yang berhijrah tetapi tidak kesampaian dengan sebab menemui ajalnya di pertengahan jalan maka Allah tetap mengumiakan kepada mereka pahala hijrah mereka.

Mengenai kesan-kesan amalan pula Allah berfirman di dalam al-Qur'an:

*إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا كَفَّارُوا وَأَثْلَاثُهُمْ (12 س)*

Maksudnya: Sesungguhnya kamilah yang menghidupkan yang mati dan kami akan tulis apa sahaja yang telah kamu lakukan dan kesan-kesan peninggalan mereka.

Kaedah ini perlu bagi pentafsir dalam mengkategorikan balasan pahala sesuatu amalan sama ada dalam membuat tafsiran ayat dengan ayat atau ayat dengan hadis Nabi s.a.w..

#### **2.4.56 Kaedah kelima puluh enam.**

**يُرِيدُ الْقُرْآنُ الْمُسْلِمِينَ إِلَى إِقَامَةِ جَمِيعِ مَصَالِحِهِمْ، وَأَنَّهُ إِذَا لَمْ يَكُنْ  
حَصُولُهَا مِنَ الْجَمِيعِ فَلَيُشْتَغِلُ بِكُلِّ مَصْلَحَةٍ، مَنْ يَقْدِرُ عَلَى الْقِيَامِ بِهَا، لِيُوْفِرِ  
وَقْتَهُ عَلَيْهَا لِتَقُومَ مَصَالِحَهُمْ وَتَكُونُ وِجْهُهُمْ جَمِيعًا وَاحِدَةً.**

Al-Quran memandu muslimin ke arah menegakkan semua kebaikan mereka. Oleh itu jika tidak kesampaian kesemuanya itu maka hendaklah mereka berusaha mendapatkan setiap kebaikan yang ada. Orang yang mampu melakukannya maka hendaklah menggunakan masanya menegakklah kebaikan mereka dan haluan mereka akan menjadi satu. (Muhammad 'Izzāt Darruzāt 1966 vol 2 ms 21)

Kebaikan menyeluruh tidak akan dapat dikecapi oleh manusia atau tidak dapat melenyapkan sesuatu keburukan secara menyeluruh tanpa jalan yang tertentu sepertimana yang Allah tunjukkan dengan jalan jihad dan ilmu yang merupakan kepentingan yang paling utama dalam Islam. Oleh sebab kedua-dua perkara tersebut sangat luas dan tidak akan tercapai bagi seseorang untuk melakukannya maka Allah telah membahagi-bahagikan orang-orang yang beriman dengan tanggungjawab yang berbeza dan pahalanya sama.

Contoh yang paling jelas dapat dilihat pada firman Allah s.w.t.:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ لِيُفْرِوْا كَافَّةً، قَلَّوْا نَفَرٌ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَّقَهُوا فِي النَّبِيِّ وَلِيُنْذِرُوْا قَوْمَهُمْ لِإِنَّ رَجْعًا إِلَيْهِمْ (آلية 122)  
التوبية

Maksudnya: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang), oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang yang tinggal itu dapat mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka yang keluar berjuang itu apabila pulang.

Pentafsir sangat perlu memahami fardu kifayat dan fardu ain serta fardu semasa. Fardu 'ain, fardu kifayah dan fardu semasa mempunyai penekanan yang berbeza-beza. Dalam membuat tafsiran pentafsir tidak akan tersilap membuat penekanan mengikut ketiga-tiga fardu tersebut. Kesannya sangat memburukkan muslimin dan melenyapkan mereka dari muka bumi ini.

#### 2.4.57 Kaedah kelima puluh tujuh.

*فِي كِيفِيَّةِ الْاسْتِدْلَالِ بِخَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهَا عَلَى التَّوْحِيدِ وَالْمَطَالِبِ الْعُلَيِّةِ.*

Kaedah bagaimana penciptaan tujuh petala langit dan bumi serta isi kandungan kedua-duanya sebagai dalil tentang keesaan tuhan dan tuntutan ketinggian. ( Al-Amidiyy 1967 vol 4 ms 104)

Allah s.w.t telah menyeru hamba-hambanya supaya berfikir apabila melihat makhluk-makhluknya yang mempunyai banyak petanda di atas kebesaran-Nya. Allah juga memuji orang-orang yang suka berfikir, kemudian Allah menjelaskan betapa pentingnya kita memahami dan mengetahui demi kebaikan agama dan dunia.

Adalah lebih baik bagi mufassir memiliki kaedah dan teknik penyelidikan yang meyakinkan terhadap semua makhluk yang Allah jelaskan di dalam al-Qurān dan menyalurkanya melalui pengesaan terhadap Allah s.w.t. Untuk menjauhkan pembelajaran secara sekular pentafsir perlu mengaitkan antara sesuatu analisis dan penyelidikan mereka dengan pentauhidan kepada Allah s.w.t. dan menambahkan keimanan terhadap-Nya.

#### **2.4.58 Kaedah kelima puluh lapan.**

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ اِظْهارَ شَرَفِ اُنْبِيَانِهِ وَأَصْفَيَانِهِ بِالصِّفَاتِ الْكَاملَةِ قَرَنَ بِهِمْ  
 النَّاقِصِينَ فِيهَا مِنَ الْمُسْتَعِينَ لِلْكُمَلِ وَذَلِكَ فِي أُمُورٍ كَثِيرَةٍ وَرَدَتْ فِي الْقُرْآنِ

Apabila Allah hendak menjelaskan kemuliaan para nabi-nabinya, orang-orang pilihannya dengan sifat-sifat sempurna. Allah akan membandingkan kisah mereka dengan kisah-kisah orang-orang yang rendah taraf mereka di kalangan orang-orang yang bersedia untuk menerima kesempurnaan, semuanya ini banyak sekali tersebut di dalam al-Qurān. ( Al-Māqūriyy 1985 ms 223)

Contohnya seperti kisah Nabi Adam bagaimana Allah menjelaskan ketinggian Adam berbanding dengan makhluk-makhluknya yang lain. Allah telah mengangkat darjat Adam dengan ilmu pengetahuan, menguji para malaikat supaya menamakan setiap sesuatu dan mereka tidak dapat menamakannya. Mereka terpaksa akur kepada Adam serta terpaksa menerima kemulian dan kelebihan Adam. Sebaliknya pula Allah membandingkan Adam dengan Iblis. Iblis bersikap angkuh, takbur dan kufur kepada perintah Allah. Dalam kisah lain pula, Allah membandingkan antara tuan empunya kebun dengan seorang yang salih, Firaun dengan nabi Musa a.s.,

kumpulan Rasulullah dengan kumpulan Abū Jahl. Di samping itu Allah memaparkan ciri-ciri kemulian orang-orang yang dipujinya jika dibandingkan dengan orang-orang yang keji serta kemenangan berpihak kepada orang-orang yang dipujinya.

Ini adalah kaedah intima' (penggabungan diri) pentafsir. Adalah malang jika seseorang pentafsir itu meletakkan intima'nya kepada orang yang tidak disukai dan dipuji oleh Allah s.w.t. dengan ciri-ciri dan sifat yang telah diutarakan itu.

#### **2.4.59 Kaedah kelima puluh sembilan.**

*إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ*

Sesungguhnya al-Quran itu memandu kepada jalan yang lurus. (Al-Amidiyy 1967 vol 1 ms 149)

Ini adalah kaedah utama yang dinaskan secara sarih(terang) dan mengandungi makna umum. Tidak ada sebarang ikatan yang khusus dalam mana-mana hal. Al-Quran merupakan pertunjuk ke jalan yang lurus samaada dari segi akidah, akhlak, amalan-amalan, siasah, dewasa, kecil, pertukangan, amalan-amalan agama dan amalan-amalan dunia. Al-Qurān menunjuk jalan kearahnya, menyuruh dan menggalakkannya. Contohnya, dalam akidah al-Qurān menyuruh umatnya memperbaiki hati, menghidupkannya dan menyempurnakannya.

Dari segi akhlak pula al-Qurān menyeru manusia menghiasi diri dengan akhlak-akhlak yang mulia seperti sabar, lemah lembut, pemaaf, beradab, berakhlik baik dengan Allah dan makhluk dan mengajak manusia ke arah mengamalkan kemulian akhlak.

Dari segi siasah ugama dan dunia pula al-Qurān menujukkan kejalan yang lebih bermanfaat untuk mencapai sesuatu matlamat, kebaikan untuk semua, menolak semua bentuk kemusnahan, bermesyuarat dan berbagai lagi.

Kaedah ini merupakan asas bagi kaedah-kaedah yang terdapat dalam al-Qurān. Oleh kerana kaedah al-Qurān sahaja yang lebih kukuh maka adalah menjadi tanggungjawab mufassir sentiasa berpandu kepada kaedah-kaedah yang terdapat didalam al-Qurān.

#### **2.4.60 Kaedah keenam puluh.**

مِنْ قَوَاعِدِ التَّعْلِيمِ الَّتِي أَرْسَدَ اللَّهُ إِلَيْهَا فِي كِتَابِهِ، أَنَّ الْقَصَصَ الْمُبَسُّوْطَةَ يَجْمِلُهَا فِي كَلِمَاتٍ يَسِيرَةٍ ثُمَّ يَبْسُطُهَا. وَأَنَّ الْأُمُورَ الْمُهِمَّةَ يَتَنَقَّلُ فِي تَقْرِيرِهَا نَفِيًّا وَإِثْبَاتًا مِنْ دَرَجَةٍ إِلَى أَعْلَى لَوْ أَنْزَلَ مِنْهَا.

Antara kaedah pengajaran yang telah ditunjukkan oleh Allah s.w.t. di dalam kitabnya itu ialah bahawa segala kisah yang dibentangkan adalah dengan menggunakan bahasa yang ringkas kemudian diperjelaskan lagi. Perkara-perkara yang penting pula berpindah dalam kenyataan sama ada penafian atau penentuan daripada satu peringkat yang lebih tinggi atau rendah daripada itu. (Al-Badakhsyiy 772H vol 1 ms 162)

Kaedah ini sangat berfaedah kerana ada perkara-perkara yang dibawa oleh al-Quran dengan bahasa yang sangat menakjubkan dan ringkas sehingga menjadi satu perkara yang sangat besar dan bermakna. Kemudian barulah dihuraikan satu persatu, contohnya seperti kisah nabi Yusof pada firman Allah:

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ لَحْنَ الْقَصَصِ (آية 3 يوسف)

Maksudnya: Kami kisahkan kepada kamu (Muhammad) sebaik-baik kisah.

Sebagai huraiannya Allah berfirman:

لَدَّنْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِ آيَاتٌ لِلسَّائِلِينَ... إِلَى تَعْمَلِ الْقَصَّةِ (آية 7-101)

Maksudnya: Sesungguhnya pada Yusof dan saudara-saudaranya sebagai bukti-bukti jelas kepada orang-orang yang ingin mengetahui... hingga ke akhir cerita.

Kaedah ini perlu diteliti oleh para pentafsir, kerana sebaik-baik tafsiran yang mereka buat ialah mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an.

### 3.2.61 Kaedah keenam puluh satu.

مَعْرِفَةُ الْأَوْقَاتِ وَضَبْطُهَا لِلْاسْتِفَادَةِ مِنْهَا وَحِفْظُهَا مِنَ الضَّيَاعِ

Mengetahui waktu-waktu dan menepatinya untuk mengambil faedah daripadanya dan menjaganya daripada keluputan. ( Al-Badakhsyiy 772H vol 1 ms 64)

Allah s.w.t telah menggalakkan mengetahui waktu dan memeliharanya dimana banyak sekali hukum-hakam yang berkaitan dengan tempoh waktu sama ada hukum-hakam yang umum atau khas, sama ada amalan, perlaksanaan, perkiraan dan penentuannya. Firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْأَكْلِهِ قُلْ هُمْ مَوْاقِعُ النَّاسِ وَالْحَجَّ (آية 189 البقرة)

Maksudnya: Mereka menyoal kamu(wahai Muhammad) tentang tempoh waktu (peredaran anak bulan), katakanlah; ia adalah waktu-waktu untuk manusia dan amalan haji.

“مَوْاقِعُ النَّاسِ” (waktu-waktu untuk manusia)dalam ayat diatas merangkumi waktu-waktu solat, puasa, zakat, jenis-jenis aqad dan lain-lainnya.

Banyak sekali hukum-hakam Islam yang berkait dengan waktu, oleh itu para mufassir mestilah peka dengan kaitan waktu tersebut ketika menafsirkan ayat-ayat al-Qurān. Rujukan kepada tajuk ayat secara menyeluruh membolehkan pentafsir menentukan masa bagi sesuatu hukum, seperti yang tertera dalam ayat waktu seseorang ibu mengandung dan menyusu walaupun ayat pertama menyebut tiga puluh bulan dan ayat kedua menyebut dua tahun. Rujukan kepada kedua-dua ayat tersebut membawa natijah bahawa sekurang-kurang ibu mengandung adalah enam bulan. Jika kurang daripada itu maka anak yang lahir tidak dikira sebagai anak sisuaminya bahkan anak itu adalah anak zina.

#### 2.4.62 Kaedah keenam puluh dua.

الصَّبْرُ أَكْبَرُ عَنِّ عَلَى جَمِيعِ الْأَمْوَارِ وَالَّذِي يُعِنُّ عَلَى الصَّبْرِ مَعْرِفَةٌ حَقِيقَتِهِ  
وَمَعْرِفَةٌ سُبْلَهُ وَعَوَاقِبَهُ وَمَعْرِفَةُ الْجَزَعِ وَسُبْلِهِ وَعَوَاقِبِهِ

Kesabaran merupakan pertolongan besar dalam semua urusan. Perkara-perkara yang dapat membantu kesabaran ialah mengetahui hakikatnya, caracaranya dan mengetahui balasannya. Mengetahui sifat keresahan, sebab-sebabnya dan akibat-akibatnya. ( Muḥammad 'Izzat 1966 vol 2 ms19 )

Kaedah ini sangat berfaedah dan al-Qurān sendiri telah menjelaskan kelebihan bersabar di banyak tempat, antaranya firman Allah s.w.t. :

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ (آلية 45 البقرة)

Maksudnya: Bertolong-menolonglah kamu dengan suruhan bersabar dan solat.

Kesabaran memudahkan seseorang untuk melakukan ibadat, ketaatan kepada Allah, menyempurnakan segala hak tanggungjawab sama ada terhadap Allah

mahupun manusia. Kesabaran juga memudahkan seseorang untuk meninggalkan larangan Allah dan hawa nafsu yang diharamkan oleh Allah .

Kaedah ini penting bagi mufassir dalam menafsirkan sesuatu bab atau perkara supaya mereka mentafsirkannya dengan matlamat yang betul. Kebebalan mufassir dalam menghuraikan sesuatu ayat boleh mempengaruhi masyarakat dalam tindak tanduk mereka sebagaimana yang berlaku kepada beberapa jamaah Islam di Mesir yang membawa kepada sikap mudah mengkafirkan orang lain. Tindak tanduk yang mencari jalan yang terdekat tanpa mengikut sunnah syariat dan sunnah Allah. Al-Qur'an tidak menyatakan sesuatu melainkan diberi contoh dan garis panduan yang sempurna untuk diikuti.

#### **2.4.63 Kaedah keenam puluh tiga.**

*يُرْشِدُ الْقُرْآنَ إِلَى أَنَّ الْعِبْرَةَ بِحُسْنِ حَالِ الْإِنْسَانِ وَإِيمَانِهِ الصَّحِيحِ وَعَمَلِهِ الصَّالِحِ*

Al-Qur'an menunjukkan bahawa penilaian seseorang itu ialah sikap manusia yang baik, imannya dan amalannya yang saleh. (Sayyid Qutb 1981 vol 6 ms3336)

Membuat hujah dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas atau dengan berpandukan kedudukan, kebendaan dunia dan budaya yang diwarisi merupakan cara berhujah orang-orang yang menyeleweng. Al-Qur'an banyak menjelaskan perkara-perkara seperti ini, antaranya firman Allah .s.w.t.:

*وَمَا لَمْ يَكُنْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ بِالَّتِي تَقْرِيرُكُمْ عِنْدَنَا زَلْفٍ إِلَّا مَنْ أَمْنَ وَعَمِلَ صَالِحًا  
فَأُولَئِكَ لَهُمْ جَزَاءُ الْصَّاغِرِ بِمَا عَمِلُوا (آية 37 سبا)*

Maksudnya: Dan bukanlah harta-benda kamu, anak- pinak kamu yang boleh memperdekatkan kamu ke sisi kami tetapi sebaliknya orang yang beriman dan

beramal soleh. Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda atas apa yang mereka lakukan.

Kaedah ini penting dalam merealisasikan kepimpinan yang wujud di zaman tersebut supaya sebarang pentafsiran bertepatan dengan sifat-sifat dan kaedah yang telah disepakati oleh para mujtahidin.

#### **2.4.64 Kaedah keenam puluh empat.**

الْأَمْرُ الْعَارِضَةُ الَّتِي لَا قَرَارَ لَهَا بِسَبَبِ الْمُزْعَجَاتِ أَوِ الشَّبَهَاتِ قَدْ تَرَدُّ عَلَى  
الْحِقْ وَعَلَى الْأَمْرِ الْيَقِينِيَّةِ وَلَكِنْ سَرْعَانَ مَا تَضَمَّنُ وَتَتَلاشَى.

Perkara-perkara yang berlaku yang tidak ada kepastian di sebabkan oleh gangguan atau kesamaran yang dikembalikan kepada kebenaran dan oleh perkara-perkara yang yakin. Tetapi dengan segera menjadi rosak dan binasa. (Al-Suyūtiyy 1959 ms76 )

Kaedah ini penting dan banyak terdapat di dalam al-Qurān yang menegaskan bahawa barang siapa yang tidak melaksanakan hukumnya akan membawa kepada salah faham sebahagian daripada ayat yang sepatutnya mereka mestilah mengambil maksud yang lain daripada zahir ayat. Orang yang memahami hikmat Allah sentiasa berada di atas kebenaran dan tidak akan berganjak jika digoncang dengan sebab-sebab yang memeranjatkan atau kesamaran yang sangat mengelirukan , mereka akan kembali kepada keyakinan, kebenaran yang jelas, menentang kebatilan dan bangun berhujah hingga menyebabkan berlakunya perbalahan di kalangan mereka dan akhirnya kebenaran mendapat kemenangan,

menguasai kebatilan dan terus lenyap dan akhirnya berlaku kebaikan, penambahan iman dan keyakinan.

Contoh-contoh di dalam al-Qur'an memanglah banyak. Antaranya sebahagian Sahabat menyoal Nabi s.a.w. tentang bilakah pertolongan Allah akan tiba setelah mana mereka menerima berbagai dugaan sedangkan mereka memperjuangkan kebenaran. Allah menjawab kepada mereka bahawa pertolongan Allah itu sangat hampir.

Kaedah ini akan membantu para mufassir untuk meyakinkan pembaca yang betul-betul menghayati kitab Allah dengan tujuan menegakkan agama Allah bahawa di sana banyak sekali ayat yang menjanjikan kejayaan untuk mereka dan apakah yang seharusnya mereka lakukan.

#### **2.4.65 Kaedah keenam puluh lima.**

قد أَرْشَدَ الْقُرْآنُ إِلَى الْمَنْعِ مِنَ الْأَمْرِ الْمُبَاحِ إِذَا كَانَ يُفْضِي إِلَى تَرْكِ وَاجِبٍ أَوْ فِعلٍ  
محرمٌ.

Sesungguhnya al-Qur'an telah menunjukkan ke arah menegah daripada perkara-perkara harus jika boleh membawa kepada meninggalkan perkara wajib atau boleh melakukan perkara haram. (Al-Suyutiyy 1959 ms 105)

Kaedah ini banyak terdapat dalam ayat al-Qur'an dan termasuk dalam kaedah "السائلون" setiap cara mempunyai hukum-hukum tertentu. Antara ayat yang menjelaskan kaedah ini ialah firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَسْبِّحُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَسَبِّبُوا اللَّهَ حَوْلًا بِغَيْرِ عِلْمٍ (آية 10 الاعراف)

Maksudnya: Janganlah kamu memaki hamun berhala-berhala orang-orang kafir itu kerana dikhawatir bahawa mereka akan memaki hamun Allah kerana permusuhan tanpa berdasarkan ilmu.

وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِنُ مِنْ زِينَتِهِنَّ (آية 31 النور)

Maksudnya: dan janganlah kamu (Ummahat al-Mukminin dan muminat) menghentakkan kaki ketika berjalan untuk memberi tahu apa yang tersembunyi daripada perhiasan kaki mereka.

فَلَا تَخْسِنْ بِالْقُولِ فَيُطْمَعُ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِ مَرَضٌ (آية 32 الأحزاب)

Maksudnya: Janganlah kamu melunakkan percakapan kamu (ummahat al-mukminin) maka akan diambil kesempatan oleh orang yang berpenyakit hati mereka.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى نُكُوكِ اللَّهِ وَذُرُوا الْبَيْعَ (آية 9 الجمعة)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman apabila dipanggil kamu untuk bersebahyang (diazankan) pada hari Jumaat maka hendaklah kamu bersegera untuk mengingati Allah dan tiggalkanlah berjual beli.

Perkara-perkara yang harus mengikut kadar cara yang boleh membuaikan perkara wajib atau sunat adalah harus hukumnya, tetapi jika perkara harus tersebut membawa kepada perkara haram atau meninggalkan perkara yang wajib maka ia bertukar menjadi haram dan ditegah. Oleh itu setiap amalan terhenti di atas niat dari permulaannya dan akhirannya.

Kaedah ini penting bagi mufassir dalam menafsirkan sesuatu yang yang berhubung dengan amalan manusia supaya tepat membuat natijah mengikut niat dan matlamat yang akan berkesudahan. Sekarang ini terdapat dikalangan orang yang bergelar ulamak sendiri sanggup mengambil sesuatu ayat al-Qur'an dikupas

dan diperhujahkan untuk menolak ayat al-Qurān yang lain. Contohnya mereka mengambil ayat yang tersebut diatas yang membawa kepada kaedah <sup>سُد لِلْزَرِيعَةِ</sup> (menyekat pintu-pintu kemusnahan) untuk menolak nas yang jelas dan diputuskan dalam ayat-ayat mengenai Hudūd. Kesudahannya kezaliman , kemungkaran bermaharajalela di atas muka bumi.

#### **2.4.66 Kaedah keenam puluh enam.**

**أَعْظَمُ الْأُصُولِ الَّتِي يُقْرِرُهَا الْقُرْآنُ وَبِرْهُنٌ عَلَيْهَا تَوْحِيدُ الْأَلْوَهِيَّةِ وَالْعِبَادَةِ**

Asas yang paling utama yang diperakukan oleh al-Qurān dan dibawakan dalil ialah: Mentauhidkan ketuhanan dan ibadat. (Sayyid Qutb 1981vol 1 ms25)

Kaedah ini merupakan matlamat setiap ayat al-Qurān. Segala perintah, tegahan, hujah, balasan dan amaran semuanya berkisar ke arah ketaatan, tuduk dan patuh kepada perintah Allah dan memilih hanya Allah dalam apa hal sekali pun.

Al-Quran telah memperakukan kaedah ini dengan berbagai cara:

- Pertama : Cara berfikir tentang sunnatullah pada ciptaan-Nya
- Kedua : Mengetahui tentang ciptaan dan pentadbiran-Nya.
- Ketiga : Mengetahui tentang limpahan nikmat zahir dan batin.
- Keempat : Perhati dan dengar tentang nikmat segera-Nya kepada Wali-Nya.
- Kelima : Bermakrifat dengan Thaghut, berhala yang lemah.
- Keenam : Kesamaan kitab-kitab Allah.
- Ketujuh : Kesaksian para rasul,nabi dan ulamak.

Kelapan : Hujah-hujah akal yang menunjukkan ke arah itu.

Oleh itu menjadi tanggungjawab mufassir untuk mengurai mengikut kaedah-kaedah tersebut pada setiap ayat supaya manusia dapat mengesakan Tuhan dalam setiap gerak geri dan tingkah lakunya

#### 2.4.67 Kaedah keenam puluh tujuh.

*يُرْشِدُ الْقُرْآنُ إِلَى الرُّجُوعِ إِلَى الْأَمْرِ الْمَعْلُومِ الْمَحْقُقِ لِلْخُرُوجِ مِنَ الشَّبَهَاتِ  
وَالْتَّوْهِمَاتِ.*

Al-Quran menunjuk ke arah kembali kepada perkara-perkara yang maklum yang pasti untuk keluar daripada syubahat dan tanggapan yang tidak berdasas. (Al-Zarkasyiyy 1972 vol 2 ms 3)

Kaedah ini sama dengan kaedah usul:

*الموهوم لا يدفع المعلوم وأن المجهول لا يعارض المحقق*

Maksudnya: Perkara yang di wahamkan tidak boleh menolak perkara yang maklum, dan perkara yang tidak diketahui tidak boleh menolak perkara yang pasti.

Ketika Allah menerangkan ayat-ayat yang mutsyabihat (tidak jelas maksud) Allah menjelaskan bagaimana sikap orang-orang yang berilmu mengenai ayat-ayat tersebut, firman Allahs.w.t. :

*وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ أَمَّا بِهِ كُلُّ مَنْ عَذِيرَنَا (آية 7 آل عمران)*

Maksudnya: Dan orang-orang yang kukuh ilmu mereka akan berkata, kami beriman dengan keseluruhan ayat tersebut yang datang daripada tuhan kami.

Perkara-perkara yang jelas dan maklum akan terang apabila berhadapan dengan perkara yang kesamaran. Perkara-perkara kesamaran akan diserahkan

kepada Allah dan akur dengan penuh keimanan. Ulamak-ulamak yang tajam pemikiran dan dalam ilmu mereka akan dapat menghuraikan secara hikmah dan bukti-bukti yang kukuh.

Kebelakangan ini ada orang yang cuba membuat tafsiran secara rambang tanpa mengikut metodologi dan kaedah yang betul dan akhirnya menimbulkan keresahan dan jahat budi pekerti. Merekalah sebenarnya yang membantu musuh-musuh Islam untuk sama-sama menghentam Islam tanpa ilmu yang kukuh.

### **3.2.68 Kaedah keenam puluh Iapan.**

**مَنْ تَرَكَ شَيْئًا لِّلَّهِ عَوْضَهُ اللَّهُ خَيْرٌ مِّنْهُ**

Barang siapa yang meninggalkan sesuatu perkara kerana Allah maka Allah akan menggantikan kepadanya sesuatu yang lebih baik daripadanya. (Al-Mutī'yy 1981 Kuliah al-Bukhāriyy)

Kaedah ini terdapat banyak di dalam al-Qurān di antaranya firman Allah s.w.t tentang orang-orang Muhibbin dan Ansār yang sanggup berkorban apa saja untuk Allah maka Allah menjanjikan kepada mereka ganjaran rezki lebih banyak di dunia, kemuliaan dan keamanan dalam sebuah negara yang mereka sendiri memerintahnya.

Nabi Yusuf a.s. setelah baginda memelihara diri daripada melakukan zina dengan i'smah (pemeliharaan) Allah, kesabarannya berada di dalam penjara maka Allah telah memberinya kedudukan yang tinggi dalam kerajaan Mesir.

Para mufassirin seharusnya membina motivasi pembaca ke arah jihad yang berterusan dengan menerangkan janji-janji Allah kepada manusia. Al-Targhib

(galakan) sangat diperlukan jika betul-betul mengikut sirah Rasulullah s.a.w. supaya umat Islam meneruskan perjuangan mereka sehingga bumi ini ditadbir dengan syariat Allah yang Maha Adil.

#### **2.4.69 Kaedah keenam puluh sembilan.**

*الْقُرْآنُ كَفِيلٌ بِمُقْلَوْمَةِ جَمِيعِ الْمُفْسِدِينَ. وَلَا يَعْصِمُ مِنْ جَمِيعِ الشُّرُورِ إِلَّا التَّمْسِكُ بِأَصْوَلِهِ وَفُرُوعِهِ وَتَتْقِيَّةِ شَرَائِعِهِ وَاحْكَامِهِ.*

Al-Qur'an memberi jaminan untuk menentang seluruh orang yang membuat kemusnahan. Dan sesiapa pun tidak akan selamat daripada kejahatan kecuali dengan berpegang teguh kepada asasnya, furu' nya dan melaksanakan segala syariat dan hukum hakamnya.(Sayyid Qutb 1970 ms 15)

Dengan kaedah ini Islam memerangi semua isme dan peraturan selain daripada isme dan peraturan Allah dan Rasulnya. Semua manusia mangetahui bahawa kesejahteraan diri daripada segala kejahatan hanya dengan berpegang teguh kepada al-Qur'an, asas-asanya, akidahnya, akhlaknya, adab-adab dan syariatnya.

Penganjur kejahatan yang paling besar ialah orang yang membela-kangi agama, mereka buta dan materialistik, mengingkari pencipta dan agama yang dibawa oleh rasul-rasul. Adalah menjadi tugas para mufassir menjelaskan perkara ini dengan memuatkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w.. Dalam al-Qur'an terdapat hujah-hujah, bukti-bukti yang boleh melemahkan hujah para mufsidin tersebut. Mereka hendaklah menjelaskannya kepada orang-orang yang berakal

bahawa manusia-manusia itu adalah orang-orang yang angkuh , sompong dan telah mengingkari perkara yang wajib diimani secara mudah dan jelas.

Penjelasan mengenai tasawwur Islam yang lebih luas mengenai syirik berpandukan ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Qurān. Peringatkan mereka jangan sekali-kali menyamakan manusia dengan Tuhan baik dari segi sifat-sifat ketuhanannya mahu pun dari segi kandungan sifat tersebut.

Para mufassir bertanggung jawab ketika berhadapan dengan fahaman-fahaman yang salah, dan tindak tanduk manusia yang menyalahi konsep rububiyyah dan uluhiiyyah Allah semata-mata.

#### **2.4.70 Kaedah ketujuh puluh.**

*فِي اشْتِمَالِ كَثِيرٍ مِّنْ الْفَاظِ الْقُرْآنِ عَلَى جَوَامِعِ الْمَعَانِي*

Perkataan-perkataan dalam al-Qurān merupakan jawami' al kalim . (Al-Syāfi'iyy 1979 ms 21)

Kebanyakan ayat al-Qurān terdiri daripada jawami' al kalim . Inilah sebagai bukti bahawa al-Qurān itu daripada Allah. Sebagai contohnya firman Allah s.w.t.:

*مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهِ*

Maksudnya: Sesiapa yang melakukan amal soleh maka untuk dirinya lahir juga dan sesiapa yang melakukan kejahatan kembali ke atas dirinya.

*لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا حُسْنًا وَزِيَادَةً (آية 26 يونس)*

Maksudnya: Bagi orang yang melakukan kebaikan akan mendapat kebaikan dan lebih dari itu.

*هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا إِحْسَانٌ (آية 60 الرحمن)*

Maksudnya: Bukankah balasan baik kecuali kebaikan.

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ (آية 10 الواقعة)

Maksudnya: Dan orang-orang yang terkehadapan mereka akan tekehadapan.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ (آية 90 النحل)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya berlaku adil dan belas kasihan.

فَمَنْ يَعْمَلْ مُنْقَلَّ نَرَةً خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مُنْقَلَّ نَرَةً شَرًّا يَرَهُ (10, 9 الززلة)

Maksudnya: Maka barang siapa yang beramat seberat atom kebaikan akan diperlihatkan dan barang siapa yang melakukan kejahanatan seberat atom pun akan perlihatkan.

وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفَسَادَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya Allah tidak suka kepada kehancuran.

إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذَهِّبُنَّ السَّيِّئَاتِ (آية 114 هود)

Maksudnya: Sesungguhnya segala kebaikan itu akan melenyapkan kejahanatan.

Banyak lagi ayat jika hendak disebutkan disini, semuanya itu merupakan kaedah, asas penting yang mengandungi makna yang luas. Mudah untuk dihafal. Kaedah-kaedah ini boleh ditanam ke hati sanubari masyarakat supaya menjadi perisai dan pendinding setiap tindak tanduk mereka.

Ayat-ayat ini boleh disingkap dalam berbagai tajuk dan kupasan tafsiran dari berbagai segi ilmu pengetahuan supaya menghubungkan manusia dengan keyakinan mereka terhadap wujudnya hari pembalasan yang tiada sesiapa dapat mengelakkan diri. Kaedah yang ringkas ini tidak akan dapat dilihat dengan jelas melainkan berkehendakan kupasan yang mendalam. Kebiasaan manusia jika tidak

disedarkan dengan pendedahan mereka lupa dan tidak terfikir sesuatu yang berada di sekeliling mereka.